



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MD AGL BIN MD DALI  
PENGGIAT SENI WARISAN MAIN PUTERI**

**OLEH:**

|   |                   |
|---|-------------------|
| <b>NIK MOHAMAD FADHIL BIN HALIM</b>     | <b>2013322307</b> |
| <b>MUHAMMAD FAWWAZ BIN ABDUL RAHMAN</b> | <b>2013359799</b> |

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
MD AGL BIN MD DALI  
PENGGIAT SENI WARISAN MAIN PUTERI**

**OLEH:**

|   |                   |
|---|-------------------|
| <b>NIK MOHAMAD FADHIL BIN HALIM</b>     | <b>2013322307</b> |
| <b>MUHAMMAD FAWWAZ BIN ABDUL RAHMAN</b> | <b>2013359799</b> |

**PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t, pertama sekali kami ingin mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberi peluang kepada kami untuk menyelesaikan tugas ini dan menghantarnya pada tarikh yang telah ditetapkan. Seterusnya, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga terutama sekali kepada tokoh kami iaitu, Encik Md Agl bin Md Dali dan sekeluarga kerana sudi memberikan kerjasama serta sudi berkongsi maklumat serta cerita tentang tajuk yang kami pilih iaitu Main Puteri. Segala maklumat dan pekongsian cerita yang dikongsi amatlah bermakna dan memberikan impak yang berkesan terhadap kami. Malah, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada ibu bapa kami yang sentiasa menyokong kami dalam menyelesaikan tugas ini. Selain daripada itu, kami ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada pensyarah kami bagi kursus ini, Puan Nor Kamariah bt. Chik kerana memberi cadangan yang bernalas dan membina serta tunjuk ajar beliau semasa selesaikan tugas ini. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakan yang sudi menghulurkan bantuan dan idea semasa selesaikan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi galakan dan membantu kami dalam selesaikan tugas ini dan yang telah memberikan kami pemahaman yang lebih lanjut, kesabaran dan sokongan. Sekian terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

| TAJUK   | MUKA<br>SURAT |
|---|---------------|
| Penghargaan.....                                    | i             |
| Isi Kandungan.....                                  | ii            |
| Abstrak.....  | iii           |
| Biodata Tokoh.....                                  | iv            |
| Pengenalan.....                                     | v             |
| Transkrip   |               |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....               | 01            |
| Bahagian 2: Latar Belakang Main Puteri.....         | 04            |
| Bahagian 3: Peralatan Ensemble Main Puteri.....     | 29            |
| Bahagian 4: Cabaran dan Pandangan Main Puteri ..... | 39            |
| Rujukan.....  | 58            |
| Lampiran  |               |
| Log Wawancara.....                                  | 59            |
| Diari Kajian.....                                   | 66            |
| Senarai Soalan.....                                 | 69            |
| Surat Perjanjian.....                               | 75            |
| Gambar.....   | 76            |
| Indeks.....   | 81            |

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** *Main Puteri merupakan satu daripada perubatan tradisional Melayu yang popular di kawasan timur Semenanjung Malaysia seperti Kelantan dan Terengganu serta masih menjadi pilihan masyarakat setempat untuk mengubati pelbagai jenis penyakit khususnya yang berkaitan dengan penyakit angin, penyakit gila, buatan orang atau khianat, ataupun hasutan hantu. Kajian ini dilakukan untuk mendokumenkan sejarah asal usul serta cabaran dalam upacara perubatan tradisional Main Puteri dalam kalangan masyarakat. Satu lokasi kajian kes Main Puteri di Kampung Lepah, Selising, Pasir Puteh Kelantan telah dipilih untuk mencapai objektif kajian ini. Pemerhatian, carian dalam laman sesawang serta temubual bersama tokoh berpengalaman telah dijalankan. Melalui kajian ini dapat disimpulkan bahawa upacara Main Puteri mempunyai variasi sejarah asal usul penceritaannya yang tersendiri malahan teknik-teknik yang digunakan dalam perubatan ini sedikit sebanyak mempengaruhi upacara Main Puteri ini dalam menyembuhkan pesakit. Tambahan pula, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti peranan Tok Minduk dan Tok Teri untuk mengubati pesakit secara fizikal ataupun batin. Pengaruh bunyi-bunyian daripada alatan muzik juga menjadi satu faktor dalam proses perubatan Main Puteri ini. Demikian juga, lenggok bahasa serta jampi mantera turut digunakan untuk berkomunikasi dengan pesakit bertujuan untuk merungkai sebab dan asal usul penyakit.*

**Kata kunci:** *perubatan tradisional Melayu, Main Puteri, Tok Minduk, Tok Teri, jampi mantera.*

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



*Gambarajah 1*  
**MD. AGL BIN MD. DALI**

Encik Md. Agl Bin Md. Dali atau lebih dikenali sebagai Poksu Agil merupakan seorang penggiat seni warisan budaya negeri Kelantan. Beliau yang berasal dari Pasir Puteh, dilahirkan pada 2 November 1959 dan telah menceburkan diri dalam bidang ini sejak berusia 9 tahun lagi. Isteri beliau bernama Hasnah binti Mat Jusoh dan mereka dikurniakan 8 orang anak. Beliau mewarisi bakat seni daripada ibu beliau yang juga merupakan penggiat seorang seni Makyung. Beliau bergiat aktif dalam seni warisan budaya Kelantan seperti Wayang Kulit, Main Puteri, Makyung, Tarian Asyik dan sebagainya. Malah, beliau juga sering diundang ke majlis perkahwinan, majlis keramaian dan juga majlis-majlis yang tertentu bagi mempersembahkan seni warisan budaya Kelantan. Selain daripada itu, beliau juga pernah dijemput untuk membuat persembahan di luar negara seperti Indonesia dan juga Thailand. Sepanjang menceburkan diri di dalam bidang ini banyak pengalaman yang beliau perolehi untuk dikongsikan kepada masyarakat berkenaan seni warisan budaya negeri Kelantan dan dalam usaha untuk memartabatkan kesinambungan seni budaya ini.

# PENGENALAN

## PENGENALAN

Perubatan tradisional Main Puteri juga dikenali dengan pelbagai nama seperti Main Teri dan Main Pateri. Namun, di negeri Kelantan masyarakat umum lebih mengetahui akan nama Main Puteri atau Main Teri bersesuaian dengan kefahaman yang telah lama diterapkan dalam benak fikiran mereka. Perubatan tradisional Main Puteri ditakrifkan secara harfiah iaitu membetulkan sesuatu yang rosak. Main Puteri juga merupakan salah satu teknik perubatan yang terkenal di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Berdasarkan perspektif pengamal perubatan Main Puteri, terdapat empat jenis penyakit yang boleh dirawat iaitu “angin/isih”, “gila/psikosomatik” “buatan orang” dan “gangguan makhluk halus”. Tambahan pula, Main Puteri berfungsi sebagai ikhtiar rawatan terhadap penyakit jasmani dan rohani yang dihidapi oleh tubuh badan manusia. Pada masa yang sama, kaedah pengubatannya mempunyai hubungan dengan kepercayaan animisme yang telah begitu lama sebatи dan menjadi amalan masyarakat Melayu terutamanya di kawasan pendalamannya.

Upacara ini diketuai oleh seorang bomoh yang dikenali dengan nama Bomoh Teri atau Tok Teri. Pembantu Tok Teri pula dikenali dengan nama Tok Minduk. Uniknya perubatan tradisional ini kerana adanya kumpulan muzik, iaitu awak-awak atau dikenali juga dengan panjak yang akan mengiringi Tok Teri semasa merawat pesakit. Alat muzik yang dimainkan bukan sekadar alat muzik biasa. Setiap pukulan peralatan muzik yang dibuat seperti pukulan gendang merupakan pukulan kepada penyakit supaya penyakit yang dihidapi pesakit hilang. Gesekan rebab pula menunjukkan panggilan yang dibuat kepada penawar penyakit. Selain itu, bantal turut digunakan dalam persembahan Main Pateri. Sebijji bantal akan diletakkan di hadapan Tok Minduk untuk menandakan sempadan kawasan antara Tok Minduk dan Tok Teri. Sempadan ini tidak boleh dilintasi oleh kedua-dua pihak kerana bantal yang digunakan menandakan batasan kuasa Tok Teri.

# **TRANSKRIP**

## **TRANSKRIP**

Assalamualaikum dan selamat petang, nama saya Nik Mohamad Fadhil bin Halim, ini kawan saya Muhammad Fawwaz bin Abdul Rahman. Kami dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kelantan dan hajat kami datang ke sini adalah untuk menemuramah Poksu sendiri, bagi tajuk yang kami cari untuk kajian kami berkaitan dengan Main Puteri. Bersama kami adalah tokoh yang sudah berpengalaman yang telahpun berkecimpung dalam bidang ini iaitu bernama Md Agl bin Md Dali dan temuramah ini telah berlangsung di rumah beliau sendiri iaitu di Selising, Pasir Puteh dan telah pun berlaku pada 26 April 2016 iaitu pada hari ini hari Selasa dan ini merupakan satu keperluan bagi subjek IMR 604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

MAD: Md Agl bin Md Dali  
FH: Fadhil Halim

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**FH : Boleh tidak ceritakan tentang latar belakang Poksu terlebih dahulu?**

MAD : Waalaikumussalam warahmatullahiwabarakatuh, (gangguan bunyi televisyen sepanjang perbualan) nama saya Md Agl bin Md Dali. Berasal dari Kampung Lepah, Selising, Pasir Puteh, Kelantan dan juga isteri saya, Hasnah binti Mat Jusoh. Dia ini lahir dari Pasir Mas [Daerah di Kelantan] tetapi sudah lebih daripada *tiga puluh tahun* [30] tahun duduk bersama dengan saya di sini sudah tukar warganegara Pasir Puteh. Saya ada sedikit sebanyak tentang -- berkecimpung dalam bidang-bidang seni ini. Kalau boleh dikatakan 100 peratus itu tidaklah tetapi hampir 80 peratus itu mata pencarian saya dengan -- seni-seni

seperti Makyung, Main Teri, Dikir Barat, Menora dan sebagainya. Boleh dikatakan sampai sekarang masih aktif. Anak kesemuanya *sepuluh* [10] oranglah. *Sepuluh* [10] itu *hok* [yang] *tino-tino* [perempuan] tidak ada bergiat sangatlah. Ada *sore* [seorang] sahaja sedang menari-nari tidak kenal lagilah (bunyi ayam sepanjang perbualan). Cuma, *hok* [yang] *jate-jate* [lelaki] ini ke arah muzik tradisional ini nampaknya ada *tiga* [3] orang anak lelaki ada berminat.

**FH** : Poksu berapa lama sudah berpengalaman dalam ini? Mungkin boleh ceritalah bermula daripada mula-mula Poksu kenal tentang ini?

**MAD** : Jadi, kalau hendak mengikut hendak cerita tentang pengalaman dalam bentuk bidang seni ini sama ada Main Puteri atau Main Makyunglah, kalau kira pengalaman itu boleh katakan lebih daripada -- *empat puluh* [40] tahunlah. Sebabnya umur saya pun loni [sekarang] *lima puluh enam* [56] tahun. Berkecimpung dalam bidang ini daripada kecil lagi sudah *turuk* [ikut] arwah emak dengan ayah duduk main Makyung, Main Puteri ini daripada kecil emak asyik bawa *sokmo-sokmo* [selalu]. Jadi asyik bawa *sokmo-sokmo* [selalu] itu, jadi pengalamannya daripada situlah apabila kita *start* [mula] boleh berfikir lebih kurang itu, maknanya minat kita pun secara tidak langsung ada, sikit-sikit bertambah minat sebab orang tua kita itu selalu bawa *sokmo* [selalu].  
Aa - - Arwah ayah ini pun dia keturunan dia tidak ada, ada tetapi dia seni jalan lain. Macam arwah ayah ini, datuk sebelah ayah ini banyak kepada Rebana Ubi.

Cuma arwah datuk sebelah emak ini, daripada datuk kepada moyang itu dia cara perubatan, bomoh, *main bageh* [perubatan tradisional]. Dia keturunan daripada situlah. Sebelah emak ini banyak sikit keturunan. Sebelah emak yang panjang. Daripada kecil lagi pernah tengok dan pernah lihat benda-benda *gini* [sebegini].

**FH : Poksu sendiri pernah tidak pergi ke luar negara ataupun membuat persembahan di mana-mana luar dari Kelantan?**

**MAD :** Kalau luar negara itu tidaklah jauh saya pergi -- cuma setakat ke Indonesia [Republik Indonesia], ke Bangkok [Thailand] itu selalu pergilah. Aa -- Saya pergi dekat Bangkok itu *Universiti Mohor* [Bangkok, Thailand] Bangkok, anjur pasal Makyung. Dia [*Universiti Mohor*] buat macam seminar Makyunglah selama seminggu saya berada sana. Ada beberapa Makyung, Makyung daripada Kelantan, Makyung daripada Thailand, Makyung daripada Riau [Jawa, Indonesia], Makyung daripada KL [Kuala Lumpur, Malaysia]. Lepas itu ada bentuk Makyung juga di Philippines [Filipina]. Ada juga bentuk dia macam Makyunglah lebih kurang. Jadi selama seminggu itu berkumpul di *Universiti Mohor* [Bangkok, Thailand] di Bangkok. (Bunyi pintu ditutup).

#### **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG MAIN PUTERI**

**FH : Boleh tidak Poksu ceritakan sejarah Main Puteri ini macam mana?**

**Sebabnya ramai yang tidak tahu tentang sejarahnya. Jadi, boleh tidak Poksu ceritakan sejrah awal tentang Main Puteri ini?**

**MAD : (Gangguan bunyi televisyen sepanjang perbualan)** Dia Main Puteri ini kalau hendak diikutkan sejarahnya, dia benda [Main Puteri] ini sebab Poksu generasi baru sudah. Maknanya orang dulu-dulu beberapa tapis sudah, ada orang dahulu sedang main macam salah seorang dari pengkaji ini pun banyak benda sudah yang dikaji tentang Main Puteri, tentang Main Makyung, tentang Wayang Kulit dan sebagainya dan masa cuma setakat yang Poksu ingatnya pengkaji-pengkaji ini di dalam tahun *sembilan belas lapan puluhan* [1980-an] dan *sembilan belas tujuh puluhan* [1970-an] dahulu. Tuan Haji Mubisipak, dia ini seorang pengkaji orang putih [bangsa asing] tetapi dia masuk Islam. Dia inilah yang banyak mengkaji tentang hal tradisional bawa balik ke Amerika [Amerika Syarikat]. Mungkin ada di *library* [perpustakaan] dia. Banyak kajian-kajianlah selepas itu sehingga sampai banyak pengkaji-pengkaji bermakna benda ini dia [Main Puteri] tidak akan sama, jadi kalau katanya hendak jadikan satu bahan rujukan satu tempat itu benda ini tidak akan sama. Orang ini belajar dengan guru dia macam ini, sejarah dia daripada sini. Dia banyak benda-benda yang tak sama.

**FH : Bagi Poksu sendiri, Poksu lebih tahu cerita apa tentang Main Puteri ini?**

**MAD : (Gangguan bunyi televisyen sepanjang perbualan)** Kalau cerita pasal Main Puteri ini, kalau hendak mengikut sejarah awal kata orang tualah, kata guru-

gurulah, dia [Main Puteri] sejenis perubatan tradisional. Di zaman dahulu, kalau tidak salah sayanya dia punya sejarah, seorang *tino* (perempuan) ini sakit mata.

-- Kalau tidak salah saya, Siti Fatimah [Siti Fatimah binti Muhammad] ini daripada Ali [Saidina Ali bin Abi Talib] sakit mata berubatlah merata-rata, habis dukun, habis pawang masa itu tidak sembuh. Maka carilah ahli nujum, jumpa seorang ahli nujum menyatakan *bini* [isteri] kamu ini Ali [Saidina Ali bin Abi Talib], kalau sekiranya kamu tidak berubat dengan Main Puteri tidak sembuh (bunyi pintu ditutup) ini menurut Tok Guru Poksu. Maka Ali [Saidina Ali bin Abi Talib] terus manghadap Rasulullah S.A.W [Nabi Muhammad S.A.W], Ya Rasulullah [Nabi Muhammad S.A.W], *bini* [isteri] aku ini sakit. Habis cara habis jalan aku dah mengubati, tidak ada sembuh. Cuma seorang ahli nujum berkata, kena berubat dengan Main Puteri. Jadi kata Rasulullah S.A.W [Nabi Muhammad S.A.W], Ya Ali [Saidina Ali bin Abi Talib] kalau *baso* [rasa] kamu hendak Main Puteri *ko* [kepada] *bini* [isteri] kamu itu boleh, tapi aku *buwi* [beri] kamu sekali sahaja. Maka, apabila aku *buwi* [beri] sekali ini kamu tidak boleh hendak berulang lagi sudah. Tetapi, satu syarat kamu hendak Main Teri hendak berubat *bini* [isteri] kamu kena kamu sendiri jadi Tok Teri. Itu maknanya sejarahnya bermula. Maka, Ali [Saidina Ali bin Abi Talib], Umar [Saidina Umar bin Al-Khattab], Osman [Saidina Uthman bin Affan] dan Abu Bakar [Saidina Abu Bakar bin Abi Quhaifah] menjadikan rakan-rakan di dalam Main Puteri (bunyi pintu ditutup). Tetapi sekali ini kamu buat terus *slaluh* [sekarang]. Daripada sinilah yang menjadikan ada orang Main Puteri, *jamu* [memberi]

makan], balai dan sebagainya, bak kata orang macam *nyekmoh* [sembah]. Apabila dipersetujui untuk buat, maka carilah dengan kayu dan sebagainya untuk buat alat bunyi-bunyian. Jadi apabila situ, hendak buat ini cara hendak tolak, hendak bentuk yang dipanggil balai, tidak tahu hendak buat. Apabila tidak tahu hendak buat pergi di dalam negeri Raja Balqis [Ratu Balqis zaman Nabi Sulaiman], “Ya Balqis [Ratu Balqis zaman Nabi Sulaiman], aku hendak minta pinjam gambar balai istana kamu”. Balqis [Ratu Balqis zaman Nabi Sulaiman] bertanya, “Kamu hendak buat apa Ali [Saidina Ali bin Abi Talib]?” Dia pun bercerita, “Boleh kalau kamu hendakkan gambar balai istana aku ini. Tetapi apabila selepas main nanti, kamu kena hantar balik gambar balai istana aku” Maka dari situlah, menjadikan bentuk Main Puteri kalau orang *jamu* [memberi makan], orang *nyekmoh* [sembah] dan sebagainya ada membuat balai. Sebab itulah balai itu kena buang tidak boleh disimpan. Kalau orang main *hok* [yang] biasa zaman-zaman kita inikan itu kenalah tolak. Apabila buat sekali benda itu, maka dengan bentuk gambarannya barang itu dihanyutkan. Apabila benda itu diperhanyutkan sampai ke -- Sri Lanka [Dulu dikenali sebagai Ceylon]. Sampai di Sri Lanka [Dulu dikenali sebagai Ceylon], lekat di pangkalan Sri Lanka [Dulu dikenali sebagai Ceylon]. Apabila lekat, dari situ orang-orang kampung hendak turun mandi-manda di situ tengok benda ini lekat. “*Gapo dia* [apakah ini] *kijoan* [perbuatan] benda *lagu* [seperti] ini?” Panggil orang turun tengok, perbuatan siapakah ini? Mari salah seorang daripadanya tengok, ini mesti perbuatan Ali [Saidina Ali bin Abi Talib] kalau pelik daripada orang. Maka, kita jangan

rosakkan benda dia ini, kita kena lepaskan. Perlepaskan daripada lekatan itu hanyut, terus hanyut sampai di Pangkalan Tanah Jawa [Republik Indonesia]. Apabila sampai ke Jawa [Republik Indonesia] itulah, Jawa [Republik Indonesia] pun lekat jugak. Apabila Jawa [Republik Indonesia] melihat benda ini pelik, “Apa benda yang jadi begini?” Jadi, Jawa [Republik Indonesia] kata ini perbuatan Ali [Saidina Ali bin Abi Talib]. Apabila perbuatan Ali [Saidina Ali bin Abi Talib] kena lepaskan. Benda itulah hanyut sampai ke Tanah Semenanjung [Tanah Melayu kini dikenali sebagai Malaysia] ke hari ini. Sampailah ke hari ini Main Puteri kita pun buat balai kena *tolak* [buang]. Jadi berbentuk daripada situ. Itulah sejarah, katanya sesetengah kaum kata. Jadi, sekarang ini Main Puteri hanya dimainkan hanya untuk mengubat orang sakit. Jadi, bila mengubat orang sakit inikan, cara hendak buat itu berbagai bentuklah berbagai rupalah. Jadi apabila itukan ada orang yang berminat, hendak besarkan benda ini hendak suruh *molek* [cantik] misal kata hiasan itu lebih sikit, begitu sahajalah. Sebenarnya dengan Main Puteri ini pun dengan jampi serapah dia [Main Puteri] itu pun tidaklah begitu menonjol sangat kepada benda-benda yang khurafat. Sebabnya benda sejarah dia [Main Puteri] datang daripada situ. Selepas itu apabila kita terbalik pula kepada -- hendak jadi Teri (gangguan bunyi televisyen). Kenapa ia dipanggil Teri? Bermakna Teri itu membaiki barang yang rosak. Apabila sampai ke dunia hari ini ada setengah contoh negeri seperti di negeri Kelantan kerajannya berbeza. Apabila berbeza ada menyatakan benda ini tidak boleh dimainkan sehingga permit sampai sekarang pun, permohonan

permit untuk Main Puteri ini tidak ada, tidak ada borang permit. Sebabnya ditegah oleh kerajaan negeri. Tetapi walaupun dalam sekian itu, Teri buat masa hari ini masih banyak *supo* [seperti] *sekalo* [biasa]. Masih banyak lagi benda yang bermain, malam kelmarin pun Poksu sendiri main. Jadi maknanya benda ini masih lagi banyak. Sebabnya Poksu *dok* [masih] fikir benda macam ini susah juga bagi pihak kerajaan untuk menghapus terus sebabnya di zaman jembaga Adam [Nabi Adam A.S] dulu pun rosak sudah. Apabila rosak bermakna membaiki semula sudah. Jadi benda ini perkaitan daripada situ. Selepas itu pula, sebelum sampai kepada perbuatan dengan jin dengan syaitan dengan iblis yang *dok* [asyik] kata *dok* [yang] sebut itu peringkat pertamanya benda ini dikatakan tidak boleh dihapuskan sebabnya di antara angin, tanah, air, api belum lagi melibatkan jin dan syaitan. Bermakna benda ini hendak mengisi di dalam Adam [Nabi Adam A.S] hendak menghidupkan Adam [Nabi Adam A.S] dahulu benda ini sudah. Kena cukup sudah air, api, tanah, amgin kena cukup benda asas dia itu. Bermaknanya, sampai kita sekarang hari ini pun benih daripada Adam [Nabi Adam A.S] dahulu jadi. Jadi bermakna kalau kurang air kita jadi letih kena pergi hospital dan sebagainya. Kalau kurang darah demikian tu jugak, bermakna diantara *empat* [4] martabat tanah, api, air, angin ini hendaklah berstabil kena seimbang baru kehidupan ini dari segi kesihatan tubuh badan ini menjadikan sihat. Jadi maknanya Main Puteri ini sampai ke situ. Selepas itu, dari selapis ke selapis sampai ke hari ini berkaitan diantara pulak hendak mewujudkan jadikan sebab musabab hendak dijadikan penyakit. Jadi daripada situlah orang Main

Puteri ini dibumi, dikampung, dipadang, \_ bermakna itulah benda-benda yang harus disebut.

**FH** : Kalau macam zaman sekarang ini orang hendak tahu Main Puteri ini dikatakan berasal daripada Thailand, Pattani jadi kalau Poksu sendirilah, Poksu rasa betul ke macam mana?

**MAD** : (Gangguan bunyi televisyen) Kalau bagi Poksu tidak betul. Ini pendapat Poksu, sebab yang dikatakan tidak betul sebab kalau hendak mengasal daripada kelahiran Main Puteri ini dari Tanah Arab [Emiriah Arab Bersatu] ke Sri Lanka [Dulu dikenali sebagai Ceylon] di India [Republik India] turun ke Tanah Jawa [Republik Indonesia], Jawa [Republik Indonesia] baru sampai ke Tanah Semenanjung [Tanah Melayu kini dikenali sebagai Malaysia]. (Shush, Poksu menyuruh anaknya diam), maknanya kalau dikatakan pada Thailand, tidak tidak. Benda hanya kalau kita, dia ini pergi belajar Tok Guru dia orang Thailand yang duduk bersempadan kata dia daripada Thailand lah.

**FH** : Tadi Poksu ada cakap yang Poksu Main Teri dengan Tok Guru Poksu sendiri. Siapa Tok Guru Poksu sebenarnya?

**MAD** : Poksu ini belajar di dalam pengalaman ini tentang cara adat Main Puteri daripada Poksu kecil lagi daripada orang Selising [Pasir Puteh, Kelantan] (bunyi pintu ditutup) arwah Tok Haji Tuan Mat asal sini [Selising]. Selepas itu, -- seorang bapa dua [2] pupu orang Alor Batu [Kampung di daerah Selising]

dalam itu sahaja, jadi Poksu banyak menerima benda-benda ini cari pengalaman dengan dia orang kampung ini juga.

**FH : Poksu ada berapa orang adik beradik?**

MAD : Poksu *tiga* [3] beradik sahaja. Dengan *tiga* [3] beradik ini, hanya Poksu dan abang yang sulung yang terlibat dengan Main Puteri. Dia [abang sulung] ini tidak bergiat aktif seperti Poksu, separuh jalan. Dia dengan alat-alat ini bolehlah. Tetapi kalau untuk bermain *bageh* [perubatan tradisional], Main Puteri dia boleh jadi Tok Minduk. Sebab kelemahan dia itu adalah kekurangan daripada nyanyian. Kekurangan dia daripada situ.

**FH : Kalau Main Puteri ini orang cakap ada berkaitan dengan angin, selepas itu ada juga orang cakap ia ada berkaitan dengan Puteri Saadong, betulkah begitu?**

MAD : (Gangguan bunyi ayam berkokok sepanjang perbualan) *Tok sabit* [tidak ada kaitan]. Maknanya kalau kita kira daripada Siti Fatimah [Siti Fatimah binti Muhammad] sebelum Puteri Saadong [Anak angkat Cik Siti Wan Kembang] lagi, daripada zaman Rasullullah S.A.W [Nabi Muhammad S.A.W.] sebelum Puteri Saadong [Anak angkat Cik Siti Wan Kembang] lagi. Selepas itu, kalau daripada Nabi Adam [Nabi Adam A.S.] kalau kita ambil daripada awal hendak jadikan jembaga Adam [Nabi Adam A.S.] apabila bumi terhampar langit terungkup, manusia tidak ada lagi. Hanya Tuhan nak mengisikan dunia yang

sebumi tahap langit yang terungkup ini nak buat cara yang macam mana. Kena jadikan Adam [Nabi Adam A.S.], kena ada Adam [Nabi Adam A.S.] untuk mengeluarkan zuriat jadikan Hawa [Isteri Nabi Adam A.S.] Di situ bermulanya ada manusia, belum adanya belum pada Puteri Saadong [Anak angkat Cik Siti Wan Kembang] lagi. Tidak ada. Cumanya ada banyak benda kaitan begitu, dilahirkan raja negeri Kelantan ini kata setengahnya Puteri Saadonglah [Anak angkat Cik Siti Wan Kembang] orang pertama yang memerintah negeri Kelantan ini katanya. Bermaknanya di situlah ia terjadi masuk ke istana masa itu tiada lagi. Benda wujud masuk ke dalam istana sudah abad ke berapa sudah. Yang itu tiada kaitan dengan istana pun sebenarnya. Tetapi ada jugalah apabila orang ini, duduk di kawasan bandar di peringkat bandar bahawa sebelum ini daripada istana. Dia boleh menyatakan bahawa benda ini daripada istana seperti asyik [Tarian Asyik] dahululah yang lahir daripada istana. Kalau Makyung pun, semua dikatakan lahir daripada istana belaka. Tetapi di istana itu apabila kita tanya, di zaman kesultanan mana tiada fakta juga. Cuma pada masa itu -- kalau Makyung, Datuk Temenggung dengan Datuk -- Amar ini, orang memiliki kumpulan Makyung. Orang ini jaga Makyung, orang itu jaga Makyung. Maka, yang ini kata hendak betulkan dia, yang dia kata dia betul Datuk Perdana kata, Datuk Amar kata yang dia yang betul. Maka, bercanggah sudah (mengiakan) di antara situ. Bercanggah sudah dalam segi apa itu fakta penetapan. Maka samalah kita hari ini pun, begitu juga Main Puteri pun, berbagai-bagai orang berbagai pendapat. Tidak boleh nak dinafikan benda itu. Sebab angin tetap ada. Sebab

angin ini, orang berpenyakit angin ini, kalau suntik pun tidak sembah. Cakap begitu sahaja (bunyi ayam).

FH : **Kalau macam tadi Poksu bercerita tentang sejarah, dari segi apa yang ada di dalam Main Puteri, contohnya seperti Tok Minduk, Tok Teri. Jadi, Poksu boleh ceritakan benda-benda yang sepatutnya ada dalam Main Puteri?**

MAD : (Gangguan bunyi televisyen dan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Kalau Main Puteri pada generasi inilah kebanyakan orang yang main kini, kita kata dari segi peralatan, persiapan pertama sekali kena ada Rebab, kena ada Gong, kena ada Gendang sepasang termasuklah Canang dan Kesi. Selepas itu, apabila ada Rebab ada alat ini kena ada pula biasanya, jong ubat [tukang pengubat] ini selalu jadi Tok Minduk. Kalau *jong ubat* [tukang pengubat] ini tidak boleh menjadi Tok Minduk bererti kena cari Tok Minduk, kena ada Tok Teri.

FH : **Jikalau hendak mencari Tok Minduk dan Tok Teri, kedua-dua ini kena pandai mainlah. Kalau tidak boleh main, maka tidak boleh pilih begitu sahaja?**

MAD : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Dia -- boleh juga, tetapi zaman dahulu dia lain sedikit, zaman sekarang tidak ada kumpulan yang bertumpu di suatu tempat. Orang nun [di sana] di kampung nunnya, jadi kadang-

kadang kalau contohnya, malam ini saya perlukan awak, saya boleh ambil awak menjadi Tok Minduk saya. Kiranya malam esok itu tempat lain pula. Saya akan cari dia pula. Dia ambil begitu sahaja. Kalau dahulu itu memang dia ada sebab dahulu satu kampung ini kadang-kadang ada *dua* [2] kumpulan. Dia kumpulan dia, orang ini kumpulan ini. Bermakna dia ada sendiri sudah (mengiakan). Sekarang ini tidak ada, lepas itu hendak kata pupus tidaklah, hampir- hampir pupus. Generasi baharu ini boleh dikatakan tidak banyak, tidak banyaklah dia belajar.

- FH** : Main Puteri kalau macam tadi ada Tok Minduk dan Tok Teri. Tugas-tugasnya ini macam mana, sebab mungkin orang keliru?
- (Gangguan bunyi televisyen dan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan)
- Tok Minduk dan Tok Teri *deh* (mengiakan) mana satu Tok Minduk mana satu Tok Teri. Dia Tok Minduk ini, jurubahasa. Jadi Tok Teri ini bomoh yang *jong lupa* [tukang lupa]. Itu Tok Teri, mana – mana dia Tok Bomohlah. Jadi dia ini jurulupa. Contoh dia pergi *lupa* [rawat] orang sakit. Orang sakitnya dalam istilahnya kata, pergi ambil orang sakit buat datang penyakit. Contohnya dia ambil seekor jin bawa mari, apabila dibawa mari di depan Rebab ke depan Tok Minduk, apabila *alik* [belah/bahagian] di depan Tok Minduk akan tanya tubuh “*menama bagai gelar duk bawa fiil dengan perangai siapa mung ni?*” “Cakap sahajalah” Dia pun akan jawab, contohnya kita kata akulah jin dia pun akan jawab, contohnya kita kata “*Akulah ini jin hitam serungkup bumi*”, contoh kita

kata. "Yang sebab kamu panggil aku ini sebab apa tabib?" Jadi Tok Minduk pun akan jawab balik sebab aku panggil mari malam ini sebab "Aku hendak tanya kamu dengan si sakit ini ada *sabit* [kaitan] dengan kamu duduk goda atas sifat diakah?" Disebalik itu, menjadi sebagai lakonan, maknanya lakonan sahaja itu. "Memang aku dah lama aku duduk dengan dia ini. Aku hendak tuntut dia ini." "Apa sebab kamu hendak menuntut dia ini?" "Sebabnya sudah lama dia tidak *caro* [ambil tahu] tidak beri makan pada aku." "Dahulu *dea* [sempat] sudah kepada kamu." "Malam ini kamu berjumpa dengan aku, aku hendak minta dengan kamu, kamu kena tinggal sudah atas sifat dia ini tuntut dakwa atas sifat dia." "Sebabnya malam ini tanda minta dengan kamu ini pergi kenduri tadi aku angkat sudah aku baca sudah kenduri kamu dengan pulut apa sudah. Itu tanda aku minta dengan kamu sudah. Berertinya tanda aku ingat kepada kamu." "Selepas itu itu dia kata kalau aku tinggal atas sifat si sakit ini, kalau segar megar dia ini, apabila dan apabila pula dia hendak beri pada aku?" Itulah bermaknanya diantara Tok Minduk dan Tok Teri itu berhujah. Bermaknanya benda itu di dalam lakonannya tetapi kita nampak tidak macam lakonan sebab benda itu benda lain-lain *sokmo* [selalu] mari. Itulah benda fungsi dia diantara Tok Minduk dengan Tok Teri. Tok Minduk jurubahasa.

**FH : Itu kalau macam proses hendak berubat, penyakit yang orang biasa berubat dengan menggunakan Main Puteri?**

**MAD : Dia penyakit yang biasa berubat dengan Main Puteri ini kalau zaman dahulu terutama orang berpenyakit anginlah, orang terkena perbuatan orang, kena**

khianat oleh orang, orang tersampuk hantu, benda-benda begitulah yang berubat dengan Main Puteri orang zaman dahulu terutama sekalinya. Hospital ini pun tidak banyak seperti sekarang ini, doktor-doktor yang canggih-canggih seperti sekarang ini tidak ada (gangguan bunyi ayam berkокok). Itulah benda-benda penyakit-penyakit yang boleh diberubat dengan Main Puteri. Orang zaman dahulu, orang kena *susuk* [disorokkan] oleh hantu pun cari Main Puteri. Zaman dahulu banyak orang disorokkan oleh hantu dan sebagainya. Itu dipanggil oleh tersampuk hantu tiba-tiba pergi di suatu tempat orang itu pengsan. Selepas itu, orang itu dipanggil tersampuk hantu. (Gangguan bunyi ayam berkокok) Kalau orang tersampuk angin ini dia dia panggil orang sampuk angin ini apabila dia duduk orang ini malam dia tidak tidur, makan dia tidak berselera, jadi kurus kering, berasa hendak menangis dia menangis. Ini berertinya orangnya tersampuk angin (gangguan bunyi ayam berkокok). Bermaknanya tidak lepas *hawa* [gian], tidak lepas angin. Jadi apabila sebab tidak lepas angin itu mungkin mencari pula sesuatu sebab. Orang ini mungkin datuk nenek dia dahulu ada saka peninggalan. Hendak mencari sebab, mungkin orang ini, saka orang tua dahulu kalau sakit biasa Main Puteri (gangguan bunyi ayam berkокok). Bermakna daripada situlah yang dikatakan angin baka, saka itu. Ataupun orang ini dahulu, bapa dia ataupun datuk dia pernah yang dikatakan - jadi kalau macam drama-drama tv [televisyen] hari ini pun saka harimau. Saka itulah yang menuntut kerananya masa orang dahulu ada itu, setahun sekali asyik buat benda itu sudah bagi makan. Apabila sudah tiada orang tua, anak-anak tidak tahu. Maka benda

itulah yang dijadikan dipanggil saka, berada di tempat dia. Bermaknanya kalau dia tidak menuntut atas anak-anak ini supaya anak-anak cucu lain tidak akan tahu bahawasanya dia ini - . Di dalam Main Puteri ini, ataupun juga di - tapi ada juga orang lain itu dia kata, hantar situ hantar sini. Bagi Poksunya, kita tidak boleh hendak alih cumanya contohnya kita kata di kampung, kalau kampung ini biasanya hantu rayalah. Kalau saka yang ini kita kata hantu raya. Apabila hantu raya, cuma kita hendak suruh tinggal atas sifat ini. "Kamu kena tinggal atas sifat anak cucu Adam [Nabi Adam A.S.] ini, sifat *tujuh* [7] gambalan [kematian] *satu* [1] kamu kena balik tempat asal kamu". Makna kalau dia asal kampung itu, situ kena baliknya. Sebab *mugo* [benda ini] kita semua makhluk ini, kita tidak tahu rumah tangga hantu jin ini dimana. Kamu kena duduk mana, kamu kena balik situlah. Kamu hendak suruh tinggal atas sifat ini.

FH : **Kalau macam hendak buat proses masa Main Puteri itu, sesetengah ada mengatakan perlu ada pulut dan semua benda itu. Apa lagi yang diperlukan selain daripada makanan dan semua itu?**

MAD : Dia peringkat awalnya persembahan dia ini kalau kita Main Puteri untuk berubat maknanya Main Puteri ini untuk berubat, bukannya kita hendak menjamu [memberi makan] hendak *sekmo* [sembah] angin, bukan. Pulut sikit, gandum ini dia panggil dadar, dia goreng buat lempeng, bertih, sirih pinang, rokok daun, air. -- Selepas itu, kalau rasa lempeng dadar kita buat itu tawar, kita bubuh gula sikit. Itulah benda bahan-bahannya. Telur goreng sebutir. Selepas itu, macam

dia panggil benda dalam kelompok yang sama tetapi dia bentuk lain, dia panggil *Nasi Guru* [sejenis makanan berasaskan nasi]. Kalau dalam Main Puteri ini, dia panggil *Nasi Guru* [sejenis makanan berasaskan nasi] itu pulut, telur masak rebus sebutir, sirih pinang *sepiah* [sejemput]. Tuan rumah yang buat. Bermaknanya kalau rasa tuan rumah ini kata, “*Ambo* [saya] ini anak beranak tidak ada, *ambo* [saya] tidak pandai hendak buat benda-benda begini”. Okey dia serahkan. Kalau macam dengan Poksu sekarang ini, banyak orang suruh Moksu [isteri Poksu] buat, suruh Moksu [isteri Poksu] buat ini, dia buat mari duit, kita yang pergi beli barang-barang, kita buat. Upahlah kiranya. Begitu sahajalah.

FH : **Kalau macam masa proses hendak berubat orang, berapa orang yang Poksu bawa?**

MAD : Dia sekarang ini banyak Poksu sedang mainnya *sepuluh* [10] orang. Maknanya lengkap sudah itu, boleh main sudah.

FH : **Kalau macam contohnya tidak cukup barang boleh main ke tidak Poksu? Contohnya kalau seperti makanan tadi, kalau tidak cukup boleh ke tidak Poksu teruskan?**

MAD : Dia kalau hal bab ini kata benda ini payah -- sikitnya. Bukan payah macam mana. Kalau rasa Tok Teri orang itu sikit, apabila tidak cukup barang, dia kata tidak boleh main. Kena ada juga benda itu. Wajib kena ada kata orang. Tetapi bagi Poksu, boleh main. Sebabnya kita pernah pergi main, kita pernah baca

kenduri, kadang kenduri kelapa muda ini tidak ada. Dia buat juga. Boleh terus tidak ada masalah. Contohnya tidak ada pulut, kenduri tidak buat, malam ini tidak ingat buat kenduri, tidak tahu kata benda ini buat kenduri. Tidak ada kenduri, kita boleh main. Lepas itu, hendak buat *Nasi Guru* [sejenis makanan berdasarkan nasi], hendak buat *Pulut Guru* [sejenis makanan berdasarkan pulut], kita boleh ambil kepala nasi ini sahaja. Nasi putih pun boleh ambil. Bubuh telur sebutir letak begitulah. Boleh dihindarkan benda itu. Tetapi kalau kita Tok Teri orang yang betul-betul teri, dia kata tidak boleh. Itu tidak ada, ini tidak ada, dia kata tidak boleh buat. Sebab tidak boleh buat dia tidak takut macam - bermaknanya dia itu permainan dia itu, dia masih percaya kepada jin dan syaitan. Dia tidak ada pendirian bahawasanya permainan ini yang kita buat, kena ada juga bagi dia. Bagi Poksu tidak mengapa. Sebabnya Main Puteri ini permainan. Apabila permainan ini, kita yang belajar kita yang buat, "Kenapa hendak ambil tahu dengan benda-benda itu?" Selepas itu, kalau kita hendak main contoh kalau zaman dulu pun ada hari Hari Keputeraan [Hari Kelahiran Sultan Negeri Kelantan] dan sebagainya hendak pergi main di Kota Bharu [Ibu negeri Kelantan]. Siapa hendak siapkan kenduri kita? Apa yang ada? "Pergi main tubuh *gogeng-gogeng* [menari dalam Main Puteri] rupa main *gitu* [begitu] juga". Selepas itu kenapa boleh? Berertinya kita buat dia. Apabila kita buat dia, kita boleh buat. Kenapa tidak boleh? Contohnya jin itu jin ini. Apabila kita Main Puteri berubat orang sakit (bunyi motor) sama seperti kita panggil benda itu, contohnya kita kata jin ini mari, "Kenapa kamu panggil aku?" "Aku panggil

kamu kamu ke mari ini hendak tanya kamu sahaja, kamu ke *kenak* [ganggu] orang ini?" Kalau dia kata, "Ada lama sudah duduk *sabit* [kaitan] dengan aku, aku lapar, kenapa kamu tidak siapkan barang untuk aku?" "Hei, aku tidak tahu lagi kata kamu duduk *kenak* [ganggu] ini, aku panggil baru hendak tanya" "Kata betul kamu biar sembah dia ini, kalau sembah dia ini aku bahagikan bahagian kamu". Habis itu kenapa tidak boleh main? Boleh main. Orang lain tidak boleh kalau tidak ada barang. Poksu yang tidak boleh mainnya kalau tidak ada Rebab, tidak ada Gong Gendang, tidak boleh main jadi kosong. Kalau setakat tidak ada benda itu boleh main. Dia panggil kita buat janji. (Gangguan bungi ayam berkокok) "Malam ini aku hendak minta sahaja dengan kamu kalau betul *sabit* [ada kaitan] dengan kamu, kamu kena bagi sembah dulu orang ini". Dia kata, "Kalau aku bagi sembah orang ini, bila kamu hendak bagi pada aku?" "Aku hendak tengok dahulu bila kamu hendak tinggal *cagar baik alamat molek* [memberi jaminan] orang ini apabila orang ini sembah" (gangguan bunyi ayam berkокok). Dia kata nanti kamu tengok hari *kelapan* [ke-8] hari, malam *ketujuh* [ke-7] malam, malam *ketiga* [ke-3] malam. Kita pun boleh janji dengan dia juga. "Kamu nanti tengok hari *ketujuh* [ke-7] [8] malam *kelapan*, kalau segar megar dia ini boleh berniaga, *mengaih* [bekerja] menganut, buat amal *lima* [5] waktu sehari semalam berertinya hari *ketujuh* [ke-7] malam kelapan aku buat". Kita janji dengan dia. Maknanya kita kena selangkah dengan dia selalu. Hari ada *tujuh* [7] malam hendak cari *lapan* [8], hendak cari malam mana? Tidak jumpa malam itu, selama itu tunggu situlah kamu dulu. Sebabnya Poksu ini ada sedikit

Poksu buat *larikan* [ubah] sikitlah permainan Poksu ini dengan orang lain ini. Poksu ini boleh dikatakan hendak kata belajar itu tidak belajar sangat, hendak kata itu - cuma Poksu *larikan* [ubah] sedikitnya di antara zaman dahulu betullah - kerananya Islam ini sebenarnya sebarannya tidak luas, duduk dalam keadaan jahiliah. Apabila dalam keadaan jahiliah ini, bererti banyak kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus benda-benda yang ghaib. Jadi kita hari ini, apabila sesudah penyebaran agama Islam kita, dakwah dakwah kita ini luas tetapi tidak dapat hendak elak (gangguan bunyi ayam berkокok), penyakit begini kena berubat dengan ini juga, kita kena main juga. Kita kena teruskan juga, tetapi kita teruskan kita cuba hindar dengan benda-benda kepercayaan khurafat ini. Biar kita ada kaitan sikit. Dia hendak tipu kita, kita hendak tipu dia. Jadi kalau dia kata hendak makan, "Kamu hendak makan boleh, biar sembah orang ini dahulu". Sebabnya dia tidak boleh bagi kesan kata dia keluar orang ini terus sembah, tidak juga iblis pun sebab bagi menentunya Allah S.W.T belaka, yang memberi kita. Sakit pun hendak menentu jatuh sakit sebab musabab itu Tuhan belaka. Ikhtiar, cuma kita kata setiap penyakit ada ubatnya (gangguan bunyi ayam berkокok). Ikhtiarlah ikut jalan mana pun. Jadi kalau kita bergantung daripada situ, kenapa sepenuhnya kita pada dianya? Tidak perlu sepenuhnya, "Ya Illah Ya Tuhanku, kamu makbulkanlah permintaan aku ini, kerana aku kesian lihat kalau orang perempuan hendak memberi tanggungjawab rumah tangga tidak boleh, hendak kerja buat tidak boleh, hendak buat amal untuk-Mu pun tidak boleh". Kita minta dengan Tuhan, walaupun lupa, walaupun menyanyi

pun tetap *nawaitu* [niat] “Ya Illah Ya Tuhan, makbulkanlah permintaan aku”.

Apabila kita berada di situ, tidak melibatkan sangat dengan syaitan jin. Hanya apabila adat teri itu dijadikan benda begitu kena menyebutlah benda-benda sebegitu. Itu sahaja.

**FH : Kalau macam hendak mulakan ini, Poksu ada tidak baca apa-apa seperti mantera atau jampi?**

**MAD :** Poksu baca mantera itu tidaklah baca benda lain, tidak baca apa-apa. Cumanya (gangguan bunyi ayam berkокok) apabila kita sesuatu yang kita hendak buat kerja, contohnya Poksu dulu alik Minduk, apabila kita pergi berada itu, sahabat *empat* [4] sahaja. (Gangguan bunyi ayam berkокok) “Assalamualaikum Ya Ali a.s [Saidina Ali bin Abi Talib], aku hendak minta kamu jaga, Assalamualaikum Ya Umar a.s [Saidina Uthman bin Affan], aku hendak minta kamu jaga kiri, kanan, hadapan, belakang, tidak hendak bagi buah celaka atas diri kita, tidak hendak jin tumpang kita, berdamping dengan kita, tidak hendak beri syaitan tumpang teduh dengan kita. Sahabat *empat* [4] sahaja. Tidak ada hendak baca kata hendak baca itu ini. Mengarut sahaja, tidak ada. Di sinilah yang menjadikan tidak boleh Main Puteri hantu belaka, mari jinlah, mari hantulah. Sebenar itu fiil perangai sahaja. Jika kita memakai sesuatu mantera yang kita hendak pakai benda jampi serapah yang pelik-pelik (gangguan bunyi ayam berkокok), sudah tentu kita juga akan menjadi meninggal, apabila kita tiada, akan kita tinggal pusaka pada anak-anak kita benda-benda itu. Benda ini yang akan jadi

menentukan yang jadikan kata pusaka, kalau orang teri ada hantu hendak mati payah, bila dia mati turun ke anak-anak. Sebab mereka pakai benda itu. Cari benda itu hendak puja benda itu. (Gangguan bunyi ayam berkokok) Kenapa kita tidak membesarkan pada Tuhan kita? Yang menentu Dia, hendak bagi sakit Dia, hendak bagi sihat pun Dia. Selepas itu janji dia sudah tetap, Tuhan dia tidak menipu kita, kita yang menipu Dia. Dia suruh solat, kita cakap tidak, kita tidak buat. Selepas itu, kalau dia kata, "Mamat bin Dollah, kamu lahir pada hari ini, mata pencarianmu dengan jasa ini (gangguan bunyi ayam berkokok), akhir hari kamu di dunia pada hari ini, pada satu saat tidak boleh hendak minta sudah. Tetap malaikat maut ambil nyawa apabila sampai jadi. Sampai masa suatu saat tidak boleh ubah, tidak payah [usah] hendak jumpa Tok Teri, tidak payah hendak cucuk [suntikan] doktor. Cuma ikhtiar sebelum sampai masa (gangguan bunyi ayam berkokok). Usaha dahulu.

**FH** : Kalau hendak Main Puteri ini masa bila? Kalau contohnya Main Puteri sendiri buat contohnya waktu siang macam mana, waktu malam macam mana?

**MAD** : Main Puteri ini biasanya waktu malam. (Gangguan bunyi ayam berkokok sepanjang perbualan) Sebab apa, tengah hari pun zaman dahulu pun main juga. Rajin jugalah kalau tidak teri pun, *bageh* [perubatan tradisional] kalau tengah hari ini. Tidak pun teri pun kena main. Tiba-tiba orang ini jatuh, rebah, pengsan buat tidak sedarkan diri, *berjebak* [mulutnya berbuih] mulut-mulut dan

sebagainya. Zaman dahulu tidak ada hospital hendak, tidak tahu hendak buat apa, duduk “*Gogeng-gogeng kita Main Puteri*” “Nak main petang ini juga sudah. Macam mana sekalipun, kesian tengok ini sedang *nyetok* [kejang seperti sawan]”. Cari teri main petang itu juga sudah. Tidak kira masa, tidak ada halangan. Sekarang banyak malamlah sebab malam ini tidak panas sebab benda yang datang itu - kalau kita memahami dari segi percakapan cara Tok Minduk Tok Teri ini, dia panggil bawa fiil dengan perangai. Apabila bawa fiil dengan perangai ini, masa mana kita boleh bawa. “*Rupa gogeng-gogeng mari “aih suara kuat, Tok Minduk pun tanya, “Kamu hidap menamo pelangi baso tubuh menamo badan bergelar siapakah dia kamu ini?”*” “Aku, dia kata aku” “*Hidap menamo pelangi ke bangsa, tubuh aku penamo, badan aku bergelar, aku sedang bawa fiil perangai dia cakap jin itu ini*”. Dia cakap masa dia tukar masa dia kata itu, namanya kalau Mamat Tok Teri Mamat situ sahajalah. Tetapi ubah fiil tukar perangai dalam masa main. Maknanya seperti berlakon sahajalah. P. Ramle [Seniman P.Ramlee] tetap P. Ramlee [Seniman P.Ramlee]. Tetapi datang itu tidak usah cakaplah, ‘Semerah Padilah’ [Filem lakonan Seniman P.Ramlee], itulah inilah, Hang Jebatlah [Salah satu watak lakonan filem], Hang Tuahlah [Salah satu watak lakonan filem]. Lakonan, jadi, bermaknanya kalau siang boleh main, malam pun boleh buat sebab kita yang buat. Kita kawal dia.

**FH : Bahasa yang Poksu guna memang Bahasa Melayu?**

**MAD : (Gangguan bunyi anak Poksu bercakap dan bungi motor) Bahasa Melayu. Sebab**

kita hendak cakap dalam Bahasa Arab kita tidak reti. Dalam bahasa kita orang Melayu Kelantan dalam Malaysia kita Bahasa Melayu. Tidak boleh hendak cakap dengan bahasa lain.

**FH : Biasanya kalau Poksu merawat, biasanya berapa orang yang main atas itu?**

MAD : Untuk mengubat? Dia kalau kita main ini tiada apa-apa, orang *sepuluh* [10] orang ini ada dalam di dalam bangsal, bermakna kalau ada seorang orang sakit, bererti akan jadi *sebelas* [11]. (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Selepas itu, yang keluarga, anak beranak yang bila mana berminat hendak masuk berada dekat tiada apa-apa masalah. Yang perlunya alat kita cukup, alat muzik kita, selepas itu di antara jurubahasa Tok Minduk, Tok Teri kita ada boleh main. Tiada masalah.

**FH : Selepas itu, kalau macam yang orang sakit, selepas berubat apakah kesan-kesannya? Sesetengah ada mengatakan tidak sedarkan diri, sesetengah mengatakan mati.**

MAD : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Dia kadang-kadang kalau yang kebetulanlah kita katakan, sebab dia Main Pueri ini dia menuduh, dia sebut itu ini, jadi apabila terkena atas sesiapa yang berdosa, bererti dia akan lari. Apabila dia akan lari, kalau orang tidak sedarkan diri dia akan jadi sedarkan diri. Jadi contohnya kita kata kalau seperti kita, seperti kehidupan hari ini, kita pergi mencuri, tiba kita berasa orang tidak tahu, kita elok sahaja keluar ke kedai,

apabila keluar ke kedai, orang bercakap, “Semalam rumah orang itu kena curi, tuan dia kenal agaknya”, kita menggelabah tidak boleh hendak duduk sudah, iblis pun sama seperti itu juga. Apabila kita menyebutkan benda ini, benda ini berertinya apabila orang itu yang berdosa, dia tidak akan boleh duduk. Dia kena tinggal, kena lari sudah. Dia kena keluar sudah daripada tempat dia duduk situ. Dia tahu bahawasanya orang tahu. Itu sahaja bendanya.

**FH** : Biasanya orang Main Puteri ini berapa lama? Kalau Poksu boleh buat setakat ini?

**MAD** : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Dia bergantung daripada terutama sekali bergantung pada orang sakit. Kalau zaman dahulu itu sampai pagi pun dia main. Tetapi sekarang itu, orang lain ada juga sudah ubah. Poksu sendiri pun ubah. Kita sepaling-paling lewat pun dalam pukul *empat* [4:00 pagi] sahaja. Apabila pukul *empat* [4:00 pagi] ke atas itu hendak masuk Subuh. Waktu itu waktu Subuh waktu kita main sudah. Kalau *demo* [awak] rasa tidak cukup kena buat malam esok semalam. Boleh berhenti tiada masalah. Tidak pernah terhad. Sebabnya angin, kalau apabila angin, angin ini dia perangai hodoh (gangguan bunyi motor). Termasuk dalam bab nafsu terus. Apabila angin dia pergi kepada nafsu terus. Nafsu kita apabila boleh berjoget tidak hirau sudah pada Subuh. Selagi tidak puas kita hendak main semalam. Maka kita lupa pada satu. Batasan kita, kawalan kita ada sudah. Daripada awal selepas Isya, Isya ke Subuh ini begitu panjangnya masa, kenapa tidak boleh berhenti lagi. Itu

dia berkait dengan nafsu.

FH : Tadi Poksu kata ada makanan, macam bunga-bunga ini ada tidak hendak letak dalam proses Main Puteri ini?

MAD : Dia benda itu semuanya hiasan bagi orang sakit sahaja. Tidak ada benda pun sebenarnya.

FH : Maknanya tiada pantang larang dalam Main Puteri ini ataaupun ada juga sedikit?

MAD : Tidak banyak. Bagi Poksunya boleh dikatakan tidak ada pantang larang dengan tentang benda hendak main itu. Tetapi apabila kita tahap teri, ada juga Tok Guru cakap - tetapi sesetengah Poksu tidak pakai sangatlah. Dia kadang kain seperti kain langit, bubuh kain langit itu semua. Kain langit ini dia panggil kalau dalam bahasa teri, ‘Nenek Berembun Angin’ [Kain yang diikat pada atas lelangit balai] akan turun di situ. Panggil dia turun situ hendak minta dia tolong buka pintu jarum mata angin *dua belas* [12] takut ada angin baka, angin saka main. Setiap benda itu, kalau macam orang angin Makyung, dia hendak main Makyung hendak tengok hiasan begitulah. Benda itu tiada apa-apa pun. Selepas itu kalau benda yang saka harimau, saka apa-apa pun, hendak buat apa semua itu? Bukan makanan dia. Harimau tidak cium bunga pun. Itu sebab kata benda ini dia *kilas* [ubah] sikit (Poksu menyuruh anaknya mengambil rokok). Dia kena *kilas* [ubah]. Jika kita hendak ikutkan sangat benda ini - Tetapi apabila orang teri ini

tidak cakap pasal hal itu (gangguan bunyi ayam sepanjang perbualan), tidak cakap pasal hal jin, tidak cakap pasal dewa, dia rasa tidak sedap. Dia rasa macam tak sudah. Tidak ada apa-apa.

**FH : Kalau macam Poksu cakap sendiri, hantu dewa semua itu apa sebenarnya bagi Poksu? Asal daripada mana?**

**MAD :** (Gangguan bunyi ayam sepanjang perbualan) Dia -- apabila jadi dunia ini, yang dulunya dewa seekor, seekor itu sahaja. Sebab itu yang menjadikan kepada *satu* [1] Malaikat Azazil Muqarrabin [Kini dikenali seekor Iblis]. Malaikat ini dia tidak hendak sembah Adam [Nabi Adam A.S]. Sebab dia kata tua dia daripada Adam Adam [Nabi Adam A.S]. Sedangkan Adam Adam [Nabi Adam A.S] orang buat *seratus* [100] tahun dahulu daripada dia. Tetapi apabila sampai masa apabila Allah Taala utus Malaikat Jibrail suruh pergi masukkan masuk roh ke dalam Adam Adam [Nabi Adam A.S] ini, “Benda dalam tangan ini kamu jangan buka di tengah jalan masuk terus dalam Adam Adam [Nabi Adam A.S]”. Malaikat ini bawa benda itu dia tidak tahu rasa apa dalam tangan tidak ada apa-apa. “Apa dia Tuhan beri aku? Suruh pergi masukkan dalam Adam [Nabi Adam A.S]?” Dia terbuka tengah jalan, bermakna mudah-mudah, kalau sekarang ini rasuah pun tidak boleh *lepo* [tidak boleh harap] manusia ini pun. Malaikat dahulu pun macam ada rasuah sudah. Tidak yakin sudah dengan apa dia hendak. Apabila dia buka situlah terbang naik terus jadi dewa. Apabila naik ke atas dia jadi Raja Siam Dewa, apabila turun ke bumi jadi penghulu sekian jin, seekor itu

sahaja. Yang ini sahaja asyik meminta, sebab itu dia tidak sembah Adam [Nabi Adam A.S]. Apabila benda ini tidak menjadi baru Tuhan panggil bagi yang lain pula mari masuk. Kali yang *ketiga* [ke-3] baru Adam [Nabi Adam A.S] boleh hidup. Pergi masuk kali yang *kedua* [ke-2], Adam [Nabi Adam A.S] bersin *tiga* [3] kali pecah bahu sebelah kiri, pecah sebelah bahu belah kiri. Buang keluar semula cari tanah lain *tapong* [tampal]. Kali yang *ketiga* [ke-3] pergi masuk itu baru Adam Adam [Nabi Adam A.S] boleh hidup. Baru hidupkan Adam [Nabi Adam A.S]. Ini yang menjadikan Azazil Muqarrabin [Kini dikenali seekor Iblis] dia tidak hendak sembah Adam [Nabi Adam A.S] yang kata tua dia hidup dia dahulu ini. Pasal dia itu terlepas dahulu, itu yang sebenar. Apabila dewa-dewa inikan perangai hodoh. Angin dewa kacau bukan-bukan. Dengan secara tidak langsungnya jadikanlah termasuk dalam golongan nafsu. Dia termasuk dalam nafsu terus. Apabila termasuk dalam nafsu, dia panggil nafsu *tujuh* [7], kalau dewa, dewa *tujuh* [7]. Apabila nafsu *tujuh* [7] ini ada yang *molek* [baik], ada yang baik. Siapa dia ada orang seperti makhluk seperti seperti kita hendak pakai nafsu. Itu hendak duduk atas masjid, nak tidak ada tidak cukup belaka. Sedang ada pakai sekarang ini amarah. Serba besar bakul, cara orang cakap cara hendak marah pada orang. Itu bermaknanya nafsu itu termasuk dalam itu terus. Disitulah yang boleh merosakkan iman kita. Apabila sudah terjadi hidupnya benda itu dia minta tidak hendak mati. Tuhan kata tidak boleh, “Sebab amal aku semua kena mati, umat aku semua kena mati, kamu kena mati, wajib kena mati”. *Tebing-tebing* [sambil] dia minta, Tuhan beri kamu tidak hendak mati sekarang

ini tidak mengapa tetapi hari kiamat hendak gulung bumi kamu kena mati juga. *Satu* [1] babak. Dia minta hendak beranak ramai, Tuhan kata kamu hendak beranak ramai tidak boleh. Kalau kamu hendak beranak ramai juga, kamu beranak di mulut manusia. Kalau sebut sekali seekor beranak, sebut *dua* [2] kali *dua* [2] ekor akan ada. Bermaknanya di seluruh alam dunia ini kalau sebut beberapa kali, sebab itu jadi jin syaitan ini dunia mana pun dia ada. Ada belaka di mana-mana. Memenuhi dunia ini di mana-mana dia ada berada yang sama, *dop* (mengayakan). Sebut kira lahir. “Aku minta aku hendak goda anak cucu Adam Adam [Nabi Adam A.S], Tuhan kata boleh kamu hendak goda anak cucu Adam Adam [Nabi Adam A.S], tetapi kalau yang iman lemah, kalau yang iman lebih kalau kamu tidak boleh masuk, tidak boleh masuk”. Yang iman lemah bercampur dengan nafsu, maka jadi terus. Kamu goda ikut cara macam mana pun, goda cara ikut perempuan, ikut duit, ikut mana *loh gi* [ikut sahaja]. Itu dia panggil tipu helah. Daripada situlah yang dijadikan ada dewa ada jin. Bendanya, seekor itu sahaja, bergaduh dengan kita seekor itu sahajalah hari ini. Sebab itu sahajalah.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: PERALATAN ENSEMBLE MAIN PUTERI

FH : Kalau dari segi permainan, Poksu ada cakap tentang Kesi dan Canang,

benda yang hendak main itu, apa yang dimulakan?

MAD : (Gangguan bunyi ayam sepanjang perbualan) Dia kalau daripada awal Rebab.

Rebab diiringi dengan Gendang lepas itu Gong, lepas itu alat-alat lain dan sebagainya. Sebenarnya Canang dan Kesi ini untuk menyerikan muzik.

Sebenarnya pun benda itu tiada alat zaman dahulu tiada. Teri orang zaman *ritu* [dahulu] orang panggil Redak. Redak ini seperti Rebana Dikir itulah. Redak sebutir sahaja, jadi terus. Batilnya dia hendak buat macam Canang ini, ambil tudung periuk dapur itu tuan rumah itu sahaja palu dengan perangan [pembakar ikan] ikan zaman itu sebabnya *perangan* [pembakar ikan] ikan buluh. Itu sahaja tiada benda. Tetapi sekarang ini, banyak kepada penyakit angin hendak berjoget hendak alat cukup sahaja. Jadi muzik sudah pula.

FH : Selepas itu dari segi lagu macam mana pula Poksu? Sesetengah itu ada yang menari, ada yang berjoget semua itu. Jadi Poksu ini ada ke tidak lagu-lagu yang yang kena ada dalam Main Puteri ini?

MAD : Dia lagu ini apabila jadi cerita Main Puteri ini daripada siapa punya idea ini Poksu tidak boleh hendak cakaplah. Orang yang menciptakan apabila Main Puteri ini kena menyanyi. Apabila menyanyi ada lagu-lagu, nama lagu-lagu yang tertentu. Ini dicipta daripada siapa. Sebenarnya bagi Poksunya benda ini tidak daripada teri benar. Dia lagu-lagu ini banyak ciplak daripada Makyung. Dia sedut ambil dalam Makyung sikit-sikit. Sebab itu biasa guna Rebab main lagu inikan jadi boleh menyanyi. Tok Teri zaman *ritu* [dahulu] jarang yang pandai menyanyi. Menyanyi pun tidak sedap tidak molek tidak seperti orang zaman sekarang ini, begitu sahaja. Sebabnya alat dapat guna Rebana sebijinya sahaja. Lagu-lagu menyanyi lagu kita sahajalah. Contohnya kalau daripada awal menyanyi lagu itu, dia macam kita menyanyi dalam satu lagu ini kita menyebut

kepada lokasi tempat yang kita hendak pergi. Apa benda yang kita hendak buat. Macam kita kata kita hendak minta berkat minta kepada nenek dengan guru. Kita hendak menyanyi lagu ‘Berkat Tanjung’ [Lagu dalam Main Puteri], “*Berkat Tanjung guru sali selila, Salam menyampai nenek bersama guru* [Lirik lagu dalam Berkat Tanjung]”. Itu bermaknanya lagu ‘Berkat Tanjung’ [Lagu dalam Main Puteri]. Bermakna setiap kita minta kita hendak buat kita minta pada nenek dengan guru. Kita hendak minta apa ini dia itu tolong bantu kita. Minta tolong dia membantu kita. Lepas itu ini yang menjadi pertikai. Apabila kalau nenek guru dia terbalik kepada yang buat nasi guru telur masak sebutir. (Gangguan bunyi motor) Yang menjadi persoalannya, orang tanya siapa dia guru? Guru ini siapa dia? Ada macam-macam orang cakap, orang yang pandai sikit, orang yang belajar, dia cakap satu nenek Dohor Amar, *dua* [2] datuk, serba ilmu *tiga* [3] ini. Cuma itu perkataan yang hendak suruh cantik. Hendak suruh sedap dengar. Banyak disebut. Bagi Poksu, tidak ada nenek dengan guru, nenek ada satu, guru ada satu, bagi Poksu sendiri. Tetapi tanya orang lain, kalau yang tanya orang lain, kalau tanya tok imam atas *balasah* [surau] boleh tanya nenek dengan guru, betul tidak apa yang Poksu kata. Sebab siapa dia guru kamu belajar? Siapa dia nenek yang kamu sebenar? Yang keturunanmu. Dohor Amar? Sidi Guru? Datuk Serba Ilmu? Datuk Serba Kuning? Serba itu, siapa dia semua itu? Itu orang di zaman abad mana? Ada kena mengena apa dengan kita hendak jadi nenek kita? Tiada kaitan. Kaitan nenek kita Adam [Nabi Adam A.S]. Tiada Adam [Nabi Adam A.S] tiada kita, tiada Adam [Nabi Adam A.S] dengan Hawa

[Isteri Nabi Adam A.S] tiada kita. (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) “Guru siapa dia?” Jibrail [Malaikat Jibrail]. Tiada Jibrail [Malaikat Jibrail] sebabnya Tuhan utus pada Jibrail [Malaikat Jibrail] suruh pergi menyampai wahyu kepada Nabi Muhammad [Nabi Muhammad S.A.W]. Nabi Muhammad [Nabi Muhammad S.A.W] menyebar wahyu ini kita duduk bawa sampai hari ini pun seperti kita duduk turut [ikut] wahyu daripada Muhammad s.a.w. [Nabi Muhammad S.A.W]. Maknanya kalau siapa tinggal daripada diri ini wajib kepada orang itu percaya kepada benda lain, syirik sampai ke batu kepala. Sesat sudah. Jangan *tebing baso* [Jangan main-main]. Selepas itu kenapa buat telur mentah? Eh (Mendengus), itu hiasan dunia sahaja itu. Hendak bagi munasabah. Adam [Nabi Adam A.S] tidak makan itu. Jibrail [Malaikat Jibrail] tidak makan itu. Habis itu apa dia hendak cadang pada Adam [Nabi Adam A.S] dengan Jibrail [Malaikat Jibrail]? Ratib, tahlil, zikir, tasbih banyak esok-esok kita jumpa dengan dia di Padang Mahsyar. Dia [Nabi Adam A.S] boleh akui bahawasanya kita ini keturunan anak cucu dia. Jibrail [Malaikat Jibrail] boleh mengaku bahawasanya ini anak murid aku. Sebabnya wahyu aku sampai pada Nabi Muhammad [Nabi Muhammad S.A.W] dulu, Nabi Muhammad [Nabi Muhammad S.A.W] terus bawa. Dia tidak makan pulut belaka itu. Kenapa tidak boleh main kalau tidak ada pulut? Pulut makan kaum kita sahaja. Tidak ada. Tidak ada cakap nenek itu, erm (mendengus) mengarut. Tiada kesan. Dia satu daripadanya apabila belajar ada sedikit hafal, yang keduanya dia benda ini kita kena memikir tentang logik dan munasabah. Logik dan munasabah selepas itu

kita pergi masjid, *balasah* [surau] malam-malam selepas Maghrib. Tok imam akan duduk kuliah selalu, kuliah Maghrib, kuliah Isya, kuliah Subuh. Bermaknanya benda ini kita jangan banyak sangatlah benda-benda syaitan benda-benda tahan masuk dalam kita. Kita cuba hindarkan benda itu, cuba tolak tepi benda itu. Jangan jadi kita sesat, kita panggil akidah lari. Kita main jangan jadi satu pegangan, kita main sekadar main hiburan. Hendak berubat orang ilmu yang dibaca, tidak lebih daripada kitab daripada al-Quran belaka. Tidak usah duduk bacalah benda lain yang sebenarnya. Boleh apa tidak boleh. Ayat Kursi [Potongan ayat dalam Al-Quran], Ayat Seribu [1000] Dinar [Potongan ayat dalam Al-Quran], Ayat Yassin [Potongan ayat dalam Al-Quran] itu ayat yang paling besar. Kita pernah guna. Lain sikitlah dia rasa. Orang boleh terima tiada masalah. Kalau kita pergi hendak bomoh orang dengan tidak cara teri, kalau kita boleh hafal cair di mulut, awal petama kita Bismillah kita baca Fatihah [Surah Al-Fatihah], baca Qulhuwallah [Potongan ayat dalam Al-Quran]. Lepas baca Fatihah [Surah Al-Fatihah], baca Qulhuwallah [Potongan ayat dalam Al-Quran], kita kena baca Ayat Seribu [1000] Dinar [Potongan ayat dalam Al-Quran], kita baca kena Ayat Kursi [Potongan ayat dalam Al-Quran]. Inilah ayat yang diturun ayat-ayat yang halau iblis. Ayat-ayat halau iblis. Tidak usah duduk baca benda lain. Selepas itu hendak bunyi lama sebutlah baca *ikut dan* [sesuka hati] serapah itu ini panggil sebutan apa. Yang itu macam kata sedap dengar. Jadi kena orang yang tidak sedarkan diri kita pergi bangkit hantu itu hantu ini. Hendak beri bunyi kata orang ini tidak sedarkan diri. Sebut itu sedarkan diri, hantu itu. Benda

sebenarnya ayat besar ayat itu.

**FH** : Selepas itu kalau macam alat semua ini Poksu beli atau buat sendiri kebiasaannya?

**MAD** : Poksu ini macam gendang, apa-apa ini alat-alat kecil buat sendirilah. Cuma, Gong Poksu beli. Gendang-gendang ini Poksu buat sendiri sebab asas daripada gendang Dikir Barat. Ini mulanya Poksu buat alat gendang dikir ini Poksu jual. Jadi sampai sekarang ini pun Poksu asyik buat alat-alat ini pun duduk buat jual.

**FH** : Kalau hendak buat itu kosnya berapa Poksu?

**MAD** : (Gangguan bunyi ayam berkокok dan bunyi motor sepanjang perbualan) Benda belanja kita buat tidak banyak, tidak banyaklah. Contoh kita kata semua barang bentuk berbeli, kayu ini sebatang dalam *tiga puluh ringgit* [RM30], *empat puluh ringgit* [RM40] sebatang. Selepas itu kalau kulit kambing itu kalau hendak beli sedikit tidak boleh, beli sebidang. Beli sebidang kulit kambing sekarang ini *dua puluh lima ringgit* [RM25]. Kulit lembu untuk satu gendang itu *sepuluh ringgit* [RM10]. Tali dia habis, kalau tali biasa ini dia habis *tiga belas ringgit* [RM13]. Tidak banyak kos. Tetapi kita jualnya harga *lima ratus ringgit* [RM500] sebuah. Terima siap *lima ratus ringgit* [RM500], kalau sepasang *dua buah* [2] *seribu ringgit* [RM1000]. Balik modal. Ada untunglah. Kalau kumpulan yang Poksu main, Poksu bawa yang Poksu belaka. Sewa kadang-kadang ada yang penting beri juga. Barang Poksu tiada pantang larang *skaro habuk* [langsung]. Kalau

orang dahulu, benda inilah benda yang menjadi bercanggah banyak. Gendang tidak boleh itulah, tidak boleh inilah, macam-macam. Tidak boleh langkahlah, tidak boleh berada dengan orang itu. Tiada apa-apa barang Poksu, berada begitu sahaja. Hendak pinjam kebetulan dengan Poksu tiada program, ambillah. Tidak ada pantang larang langsung, tidak kena perasap dengan kemenyan, letak pulut, tidak ada. Jaga Poksunya tidak mahu beri tembus kulit sahaja. Hendak buat main itu sahaja. Tidak, duduk begitu sahaja. Kadang-kadang itu berada dalam bonet kereta ada Gong berada dalam itu belaka main malam kelmarin tidak keluarkan dari situ. Ikut-ikut suka. Yang ini kalau ada cucu kecil, cucuk buat golek main dikencing atas Gendang tiada apa-apa. Tiada apa kita tiada pantang. Poksu asyik fikir kaji dengan psikologi kita sendiri, buat apa kita hendak pantang benda ini? Buat apa kita hendak percaya dengan benda ini? Kalau kita sendiri tidak pandai palu, *reng* [kudrat] tenaga kita tidak ada tidak sedap begitu. Kalau kita *reng* [kudrat] kuat, kuatlah suaranya. Kalau kita tidak ada *reng* [kudrat] tidak kuatlah. Benda yang kita puja benda yang bagi kita pulut tidak tolong palu. Dia tidak palu, kita yang palu dengan tenaga kita sendiri. Kalau kita sakit tangan jawab dia tidak kuatlah barang. Selepas itu, apa kelebihan yang kita hendak puja dia? Tiada kelebihan. Alat biasa. Jaga takut tembus kulit takut putus tali, itu sahaja.

**FH : Kalau hendak Main Puteri ini ada buka pentup tidak Poksu?**

**MAD : Buka orang panggil Tabuh Buka Panggung, itu dia semua itu simbolik sahaja.**

Simbolik yang apabila kalau kita balik kepada dalam benda itu seperti dikir barat. Hendak mula dikir, naik tabuh dahulu kita pandai berapa perkara tabuh dulu. Selepas itu yang akhir itu tidak boleh lari daripada ‘Wau Bulan’ [Lagu dalam Dikir Barat]. Bila ‘Wau Bulan’ [Lagu dalam Dikir Barat] tabuh, tabuh penutup, yang itu sahaja, tiada apa-apa pun. Tidak semestinya kata kena buka, sebabnya tiada. Tetapi bagi orang dahulu dia pegang sangatlah benda itu. Kalau tidak perasap Gendang dahulu tidak *rembas* [campak] beras kunyit tidak boleh tabuhlah sebagainya. Adat orang dulu-dulu itu memang begitu. Tetapi dunia hari ini kita tidak boleh hendak turut benda itu. Banyak benda-benda yang *gelecoh* [tersasar] selepas itu keadaan masa. Orang panggil hendak main di hotel *lima belas* [15] minit, apa dia sudah yang kita hendak buat? Maknanya kita kena ambil benda yang penting sahaja buat. Takkan kita hendak buat hendak turut adat kita apa itu? Setengah jam duk main pergi main tabuh itu. Bendanya orang hendak *lima belas* [15] minit sahaja. Hendak secepat mungkin. Dia sekarang ini Poksu sedang main sekarang ini kalau sekitar kita kata Kelantan [Negeri Kelantan, Malaysia] pun tidak termasuk bahagian Gua Musanglah [Daerah dalam Kelantan]. Biasa Poksu main *seribu dua ratus ringgit* [RM1200] semalam. Banyak juga. *Seribu dua ratus ringgit* [RM1200] main di rumah pesakit (gangguan bunyi ayam). Kalau orang hendak datang main di rumah Poksu ini, Poksu ambil *seribu lima ratus ringgit* [RM1500]. Sebabnya kos dengan belanja makan, kita buat makan, makan sekali datang, orang si pesakit pun keluarga dia *tujuh* [7] ke *lapan* [8] orang atau *sepuluh* [10] orang. Makan

sini juga. Sebab kita main rumah mereka, kita ambil *seribu dua ratus ringgit* [RM1200], *tiga ratus ringgit* [RM300] pun kita kira atas belanja makan mereka. Kita bahagi sama rata belaka. Kita katalah *duit seribu ringgit* [RM1000], kereta kita pergi ini berapa buah kereta? Contohnya orang *sepuluh* [10] orang ini orang jauh-jauh kadang-kadang *empat* [4] buah kereta, kadang-kadang *tiga* [3] buah kereta. Okey, kalau kereta tempat ini dekat kita bagi *tiga puluh ringgit* [RM30] sebuah. Bermaknanya kalau *tiga* [3] buah kereta, *seratus ringgitlah* [RM100] katakan. Bermakna kalau duit *seribu dua ratus ringgit* [RM1200], ada lagi *seribu satu ratus ringgit* [RM1100]. Apabila *seribu ringgit* [RM1000] bahagi sama rata. Tidak ada nilai tinggi rendah lebih sesiapa, adil.

**FH : Kalau macam Poksu, Main Puteri hampir lima puluh [50] tahun?**

MAD : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Dia terlibat dalam itu maknanya Poksu betul-betul Main Puteri ini dalam lebih kurang *empat belas* [14], *lima belas* [15] tahun. Tetapi pengalaman yang diikut itu daripada kecil.

**FH : Sepanjang Poksu main ini, ada ke tidak benda-benda yang tidak elok berlaku pada Poksu?**

MAD : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Tidak ada. Adalah juga kadang-kadang itu. Tetapi benda itu kita kira tidak, maknanya kita tidak perbesarkan diakan. Kalau ada pun dia tidak lama. Kadang-kadang pun adalah. Dia macam Poksu ini seperti tadilah berasa kita kira kita buat dia. Kadang-

kadang apabila kita pergi main, orang main buat balai, jamu dan sebagainya, tibanya barang pengisian hendak letak di atas balai itu benda dia buat tidak cukup. Apabila tidak cukup, takkan dengan waktu malam kita pergi hendak suruh dia buat pula. Pergi cari barang mana sudah, melainkan kita kena teruskan juga. Tiada masalah. Tetapi, kadang-kadang apabila kita balik itu, ada jugalah benda itu kadang-kadang dia datang macam mari marah kita dan sebagainya. “Ah (mendengus), marah peduli apa bukan kerja aku, kerja orang itu, kamu pergi tanya orang itu, kenapa hendak tanya aku? Aku tukang main sahaja. Bukan aku hendak cadang kepada kamu, bukan harta aku”. Begitulah maknanya kita cuba tepis. Setakat ini tiada lagi. Tiada pernah berlaku.

- FH : **Kalau macam ini, sekarangkan orang sakit jumpa Tok Bomoh, sakit gila, sampuk hantu. Tetapi kalau macam Poksu sendiri, apa Poksu boleh katakan kalau sakit begini hendak jumpa Tok Bomoh, rawatan Islam, Main Puteri, apa Poksu boleh kata?**
- MAD : Dia sekarang ini peringkat awal kalau orang sakit misalnya orang datang cakap hendak Main Puteri atau dia datang tanya macam mana emak kamu ini sakit atau isteri saya ini sakit macam mana cara kita hendak berubat? Peringkat awal pertama Poksu kena suruh pergi hospital dahulu, kena pergi hospital dahulu. Sebab hospital sekarang ini, doktor sekarang ini dia belajar, peralatan dia banyak. Bermakna kita kena diimbas di hospital dahulu. Biar hospital tengok, apa dia. Kalau penyakit melibatkan dalaman kencing manis, darah tinggi,

kuman, paru-paru dan sebagainya tidak usah main teri tidak sembah. Bukan penyakit itu. Kecuali pergi hospital doktor kata tiada, darah normal apa semua tidak ada apa-apa ini sudah tentu melibatkan dengan angin atau tersampuk jin syaitan. Itu yang bahagian Main Puteri. Kalau kencing manis, buah pinggang tidak usah main terilah bukan kerja dia, *koho* [nanti] *bangat* [cepat] mati. Apabila gerak angin, mereka *glepar* [menggelupur], jadi *koho* [makin] sakit, *bangat* [cepat] mati.

### TAMAT BAHAGIAN 3

#### BAHAGIAN 4: CABARAN DAN PANDANGAN MAIN PUTERI KINI

FH : Kalau macam Poksu, yang Main Puteri apa yang Poksu faham orang yang Main Puteri dengan Tok Bomoh itu sendiri.

MAD : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Tok Bomoh ini kita tidak boleh hendak faham. Sebab itu Poksu sekarang ini pun banyak kadang-kadang orang suruh pergi bomoh. Tok Bomoh ini dia mengikut dia atas dia punya perbuatan. Poksu sendiri pun kadang-kadang kita pernah bangkit lawan dengan Tok Bomoh. Kalau dia ini pergi bomoh dengan cara jampi begitu, kadang-kadang kalau *sepuluh* [10] orang sehari pergi bomoh rumah dia, *sepuluh* [10] oranglah yang kena ganggu belaka. Apa hikmah seperti itu? Tidak bergantung pada benda lain, orang buat jahat belaka. Bukan senang hendak cari minyak mati bunuh, bukan senang hendak cari benda santau hendak buat jahat pada orang ini. Bermaknanya penyakit ini dia sebab musabab. Tidak semestinya buat jahat pada orang, tidak juga. Penyakitnya di antara *empat* [4] tadi. Apabila

di antara *empat* [4], tanah, air, api, angin. Saluran angin dengan darah yang air berjalan tidak stabil lemah terus. Musim panas ini kalau kurang minum air lemah terus peninglah, tidak boleh hendak bangunlah, macam-macam. Kebetulan pula kelayakannya kitanya orang berumur sudah. Letih tidak larat. Tidak sesuai antibodi kita tidak sempat. Sebab itu benda ini penting pergi hospital dahulu. Kalau kurang air, doktor dia tambah air, itu penting dia.

**FH** : **Kalau macam orang kampung sendiri, kalau macam Poksu pergi berubat mana-manalah, ada tidak orang kampung mengata? Sesetengah orang kampung ini tidak percaya benda ini.**

**MAD** : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Dia benda itu hendak menyifatkan payah. Sebabnya kadang-kadang manusia kita ini suka menyifat. Suka menyifat yang orang. Dia mengaji tidak banyak, belajar ilmu ini tidak banyak. Maknanya kalau kata dia belajar hukum hakam pun, tidak begitu tahu sangat, tetapi dia boleh duduknya apabila orang ini Main Puteri juga dalam Gong, Gendang sahaja puak maksiat terus. Bermakna di sebalik maksiat itu dia tidak fikir apa dia ada di kebaikan di sebalik maksiat.

**FH** : **Selepas itu kalau macam orang kata Main Puteri ini ada unsur sihir. Jadi apa kata Poksu?**

**MAD** : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Dia Tok Teri tidak sihir. Tidak ada unsur-unsur sihir. Hendak sihir macam mana benda perubatan. Kalau

orang ini buat jahat itu untuk sihir boleh jadi. Contohnya dia belajar ilmu hendak buat jahat pada orang seperti menggunakan tanah kubur, ditanam didepan rumah orang, guna buah limau, itu sihir. Tetapi, kalau agin yang hendak untuk berubat tidak akan jadi sihir. Hendak sihir apa kita hendak sembuh orang. Tidak boleh hendak buat pura-pura sembuh ini. Kalau selagi benda itu tidak lari, tidak akan sembuh bermakna bukan sihir.

**FH : Poksu sendiri percaya benda itu macam tidak adalah benda-benda jahil?**

MAD : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Tidak banyaklah. Yang pertama sekali apabila kita main ini hendak ada sukaria. Kalau kita hendak pergi dalam itu, dalam tidak seronok sangat. Jadi kita main dalam hendak sukaria. Bermakna, tetapi yang penting “ Ya Illah Ya Tuhan, aku minta hendak minta sembuh kesian tengok, hendak beri tanggungjawab nafkah pada suami pun tidak boleh, hendak solat pun tidak boleh, hendak urus rumah tangga anak-anak pun tidak boleh, berada dalam keadaan serabut. Hanya pada-Mu Ya Allah, aku bermohon lain daripada-Mu tidak ada orang lain boleh menguasai, boleh menyembuh”. Bermakna adakah benda ini kita salah dari segi hukum hakam? Tidak salah. Cumanya apabila adat sudah mereka hendak Main Puteri kena ada Gong, Gendang siap situ sahajalah. Tetapi, *nawaitu* [niat] kita di mana-mana hendak tolong orang suruh selamat. Kalau mereka segar mereka tidak mahu solat juga itu sahaja fiil perangai mereka hendak buat macam mana, nafsu mereka. Kita tidak boleh paksa sudah yang itu. Tetapi, pergi kitanya hendak

suruh dia segar, hendak suruh dia boleh menunaikan segala tanggungjawab dia, itu sahaja.

**FH** : Sekarangkan zaman maju katakan, macam anak Poksu sendiri ada tidak berminat hendak Main Teri? Kalau macam Poksu sendiri sebagai ayah ada tidak hendak galakkan anak Main Teri supaya tidak pupus katakan sebab Poksu sendiri orang kuat Main Puteri?

**MAD** : Setakat sekarang ini ikut Main Teri tidak nampak lagi cuma muzik itu ada. Kalau kira galakkan, kita tidak galak juga tetapi daripada mereka duduk melepak sana sini ikut gejala-gajala tidak sihat sekarang lebih baiklah mereka ikut belajar dulu apa-apa alat dalam panggung Teri sebabnya benda tidak rugi. Apabila pergi main orang boleh *lima puluh* [RM50] kita boleh *lima puluh* [RM50] esok mereka bangun boleh hisap rokok, minum air daripada mereka melepak (gangguan bunyi ayam berkокok) tidak pasal-pasal tidak ada duit curi barang orang. Sebenarnya berkaitan kita hendak hindar daripada situ itu yang anak-anak Poksu banyak menglibatkan dalam benda-benda ini.

**FH** : Maksudnya kalau macam Poksu pun bagi, kalau macam anak tidak hendak belajar itu kira tidak paksa? Kira macam atas pilihan sendiri.

**MAD** : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Bagi, tidak ada masalah. Tidak paksa. Atas pilihan sendiri. Seperti sekarang ini pun anak-anak contoh kalau malam ini hendak Main Teri (gangguan bunyi ayam berkокok) kita tanya

“Kamu hendak Main Teri ke Malam ini” dia kata “Hendak pergi” kalau dia kata “Malam ini tidak hendak pergi” ikut kamu sudah kamu tidak hendak pergi. Orang lain boleh lima *enam puluh seratus* [RM50-RM100] kamu tidak boleh wang langsung. Itu sahaja, pilihan sendiri mana rugi mana untung itu sahaja.

**FH** : Poksu Main Puteri lama sudah katakan, (isteri Poksu memanggil anaknya) dari segi cabaran apa yang Poksu ada kena selama ini, cabaran dari segi hendak buat Main Teri ini (bunyi ayam berkокok) setakat Poksu?

**MAD** : Dia dalam Main Teri ini cabaran tidak itu sangat, kalau merangkumi keseluruhan dalam bidang (bunyi ayam berkокok) seni, dalam bidang permainan ini adalah berbagai-bagai cabaran, Main Teri ini risikonya tidak banyak. Cuma cabarannya tiba-tiba orang ini kita pergi kita bawa main-main tiba-tiba seseorang turun, dia itu dirasuk hantu sehingga sampai tidak sedarkan diri. Tidak sedarkan diri ini kadang-kadang kita sudah Main Teri ini dia tidak sedarkan diri lagi hampir-hampir Subuh baru sedarkan diri, ada benda-benda begitu cabaran itu. Kalau macam di permainan-permainan lain sebab kita pergi ke tempat orang seminggu kita duduk setempat macam main Makyung itu cabaran-cabaran berbagai-bagai. Masa itu kita orang muda, apabila orang muda masa dahulu orang-orang permainan orang seni ini bagi dia penerimaam orang kampung itu terkenal sangat. Dia kira macam artis (bunyi ayam berkокok) jadi budak-budak perempuan ini adalah berminat kitakan apakan yang seorang lelaki tidak suka pun ada juga berbalah sebagainya jadi benda begitu. Cabaran lain

tidak ada sangat.

**FH** : Kalau Main Teri ini biasanya orang perempuan ini dia boleh tidak main?

**MAD** : (Gangguan bunyi ayam berkokok sepanjang perbualan) Orang perempuan? Boleh. Ada orang Teri dulu ada sempat Poksu kenal (bunyi ayam kokok) Limah anak Rimau, Timah anak Gajah *dua* [2], anak Gajah ini *dua* [2], anak Gajah tempat sana *satu* [1], tempat sini *satu* [1]. Selepas itu, orang Tumpat [Daerah di Negeri Kelantan, Malaysia] duduk di Pulau Melaka [Daerah di Kelantan] ada seorang Tok Teri orang perempuan. Memang kelas teri sedap maknanya boleh berubat orang. Atas kehendak.

**FH** : Kalau macam baju dia hendak Main Teri itu macam kena pakai kain apa?

**MAD** : Kostumnya tidak melibati, yang sendiri. Cumanya kalau bagi orang lelaki sekarang ini kita cuba ubah *trend* [gaya] sedikit. Kalau orang dahulu dia hendak rupa teri dia buang semua baju dia pakai kain ikat kain lepas sahaja jadi kita tengok macam jijik sangat bila kita berpeluh tidak elok sangat. Kita cuba hindar, pakai baju pagoda ataupun pakai baju singlet supaya tidak nampak badan sangat.

FH : Dari segi macam warna tidak melibati? Tidak kata guna warna kuning ke?  
Maksudnya Poksu pun kalau hendak main pun ikut hendak pakai apa pun  
boleh?

MAD : Warna tidak melibati. Tidak. Boleh tidak ada masalah cuma kita kira bersopan yang penting dunia hari ini bersopan sebabnya Teri ataupun Makyung ataupun Dikir Barat ini adalah budaya orang Melayu (bunyi ayam berkokok) apabila duduk budaya orang Melayu kalau kita sendiri itu tidak bersopan dengan tidak pakai baju, bulu ketiak *berseronyeh* [nampak dan tidak terurus] *toksoh* [jangan] kelih [lihat] tidak bersopanlah. Baikpun Dikir Barat baik Puteri pun samalah dia kena bersopan. Kena pakai baju elok.

FH : Kalau macam yang berubat itu, Poksu sentuh tidak orang sakit contohnya kalau orang sakit itu perempuan, Poksukan orang lelaki Poksu sentuh tidak orang itu?

MAD : (Gangguan bunyi ayam berkokok sepanjang perbualan) Kita kena minta izin dengan suami dia. Kita kena minta izin hendak sentuh isteri dia kalau sekiranya dia itu kita minta izin tidak beri perkataan persetujuan kita kena, kain lepas itu yang diguna kain yang dibuat ikat bengkung, ikat pinggang itu. Kita kena campak kain atas dia, kain lepas kita ambil campak letak atas dia sebab kita pegang sini sahaja (ambil menunjukkan cara memegang kain) kita tidak boleh sentuh dia sebab dia isteri orang, tidak boleh. Ini bak kata disebalik pakaian itu kena ada benda yang ada simbolik dia itu. "Kenapa kena pakai kain lepas?"

Kain lepas itulah benda sekiranya kita tidak boleh sentuh benda itu selepas itu dia iblis (gangguan bunyi pintu ditutup), contohnya orang masuk iblis ini jenis pelesit. Pelesit jenis peliharaan biasanya orang-orang perempuan yang amalkan. Kalau orang ini dirasuk oleh pelesit, pelesit ini perangai hodoh, dia duduk tempat pelik samada di kemaluan atau pun dibawah buah dada kalau orang perempuan. Dia lari dekat orang *duduk pisah* [sengaja] dia, dia lari *menusuk* [sorokkan diri] situ tempat orang tidak boleh sentuh. “Selepas itu kita Tok Teri takkan kita hendak sentuh orang perempuan?” Melainkan kita kena guna kain lepas campak kain lepas atas dia. Baling punca pergi kita tarik punca datang kita ambil sini (ambil menunjukkan cara pegang kain lepas) kita seru dia, panggil dia di kain lepas ini. Ada fungsinya. Kain lepas, kain batik lepas dia panggil kain batik lepas sekarang ini ada banyak. Itu yang dikatakan kenapa digunakan kain lepas, pertama sekali *dua* [2] helai kain lepas untuk Tok Teri. Pertama sekali ikat kain sebab Tok Teri ini biasanya kalau dia pergi pakai seluar pun dia pergi itu dia salin kain sebab orang sedia kain pelikat sehelai kain lepas *dua* [2] helai. *Satu* [1] dia buat ikat bengkung ataupun dia buat kibar, itulah kegunaannya. Itu gunanya, memang ada dua kain. Disinilah dikata kena ada *marhalah* [jarak], disebalik kita bermain pun kena ada marhalah jangan kata orang padah [akibat] pada kita pergi berubat orang, bila pergi kita nak pegang sesuka hati tanpa keizinan daripada [suami] itu tidak boleh. Kalau dia tidak ada suami, orang sakit anak dara kita kena minta dengan mak ayah dia hendak minta izin hendak sentuh. Kita tidak boleh [sentuh], sebab itu Islam melarang benda

begitu. Apabila kita minta izin walaupun diizinkan, hukumnya tidak boleh juga tapi orang panggil ada marhalahnya, haruslah sebab benda terpaksa kena sentuh, kena pegang kaki atau pun tangan. Jika kita pergi tengok orang sakit pun kita kena sentuh, panas ke sejuk ke demam ke tidak maknanya harus boleh dibuat tapi kalau dengan tanpa izin tidak boleh. Adab sopan santun itu tidak ada, adab kemelayuan kita tidak ada. Tidak boleh, dia boleh menyebabkan boleh menjadikan mudarat. “Mudarat macam mana?” Apabila sudah Main Teri menambah kesakitan pula atas orang sakit, apabila sudah Main Teri pula suami tidak berkenan kita balik jadi bergaduh pula dirumah sekali. “Kamu seronok bila Tok Teri sentuh sana sini”, Tujuan Main Teri hendak bagi sembah, jadi makin sakit makin beban memikirkan jadi stress. Sebab itu kata banyak cara, simbolik jadi Tok Bomoh ini payah.

**FH** : **Kalau dari segi agama Islam sendiri, Poksu Main Teri jadi apa yang Poksu boleh cakap, kalau Poksu sendiri mengikut berdasarkan landasan agama Islam itu sendiri (suara isteri Poksu bercakap dengan anaknya) jadi Poksu Main Teri macam mana?**

**MAD** : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Cuma pertama sekali kita kena menghindarkan daripada akidah bagi pihak orang Tok Teri. “Akidah macam mana?” Contohnya kita banyak percaya sangat percaya kepada benda-benda tayul kepada makhluk halus, bermakna itu bukan landasan Islam kita menegah, soal kita hendak main hendak berubat apa tapi jangan kita bermain

atas kepercayaan. Apabila kita bermain atas kepercayaan dia tidak jadi maksiat, dia jadi syirik bila syirik ini adalah orang menduakan Allah S.W.T, apabila orang menduakan Allah S.W.T berertinya tidak masuk syurga. Dengan maksiat ini tidak begitu besar, mungkin apabila kita sudah main sudah kata ada tutup panggung selepas tutup panggung kita istighfar, kita balik ambil wudhuk sunat, kita sembahyang sunat Insyaallah Tuhan akan gugur maksiat kita dengan benda-benda begitu. Tapi kalau kita main atas kepercayaan dengan benda-benda yang menegah dengan keagamaan kita, akidah kita jadi lain. Lari daripada akidah, atas kepercayaan kita sendiri atas diri sendiri.

- FH** : **Kalau macam Poksu sendiri, macam Poksu cakap Poksu percaya lebih kepada keagamaan jadinya Poksu Main Teri bukan sekadar untuk suka-suka, untuk ubat orang. Kalau macam Poksu yang Main Teri lama sudah, apa yang harapan Poksu sendirilah supaya Main Teri ini tidak pupus katakan?**
- MAD** : Bagi Poksu begitulah harapannya kalau boleh teri ini jangan sampai pupus sebabnya, kalau sekiranya teri ini jadi pupus terus susah juga untuk kita hendak mengubat pada seseorang sebabnya kesemua orang, tapi janji dengan Tuhan serupa kata itulah. Sebabnya sakit orang ini bukan sebab satu, berbagai jenis. Orang yang ada kita mengubat ini secara jampi serapah, dengan teri ini satu satuhal, apabila tidak ada hendak cari dimana. Contohnya sekarang didalam kampung ini daripada Selising, Bukit Abal ini [Daerah Pasir Puteh, Kelantan]

dalam kampung ini, dalam Pasir Puteh [Daerah Kelantan, Malaysia] ini apabila orang sakit kita hendak panggil *seh* [angin] nak panggil pergi bomoh cara *seh* [angin] yang boleh jampi hendak Main Teri tidak ada sudah melainkan Poksu seorang sahaja yang ada lagi. Kampung ini termasuk Selising, Pasir Puteh, Bukit Abal [Daerah Pasir Puteh, Kelantan] bermakna kalau orang hendak bomoh hendak jampi kena panggil Poksu. Tidak ada sudah bererti pupus, apabila pupus selepas itu kadang-kadang orang beranak kecil, anak menjerit petang hari benda itu kalau panggil cucuk tidak sembuah (gangguan bunyi ayam) selepas itu kalau hendak panggil juga cari juga Tok Bomoh datang jampi-jampi bakoh-bakoh [jampi serapah] (gangguan bunyi ayam berkокok). Apabila tidak ada susah hendak buat, payah hendak cari jadi haruslah ada pelapis-pelapis lebih kurang walaupun tidak sempurna pun dia biar ada. Itulah harapannya.

**FH** : **Tapi kalau macam Poksu cakap biar ada pelapis, Poksu sendiri macam mana buat contohnya Poksu ada ajar anak-anak ke, ajar anak-anak orang lain Main Teri ke?**

**MAD** : Setakat sekarang ini adalah beberapa orang sahabat-sahabat dan anak-anak buah itu ada yang berminat dengan benda ini, dia pun banyak bertanya Poksu tentang Main Teri ini dan pantang larang dan tentang apa yang dimain (gangguan bunyi ayam berkокok) sebab kadang-kadang orang ini dia Main Teri kalau bagi Poksu, Poksu panggil main sebelah. Main sebelah ini maksudnya main yang luar sahaja tidak ada kaitan dengan didalam. Sebenarnya apa yang dimain itu ada berkaitan

dengan jiwa kita didalam. Dia ada jiwa kita didalam dengan benda perkataan-perkataannya itu melilitkan benda itu diatas satu pegangan contohnya kalau kata *tujuh* [7] sifat tujuh anggota kita ini ada anggota *tujuh* [7] alam *dua belas* [12] bermakna benda itu didalam benda itu tidak kena cari ikut Teri kalau cari ikut kitab diatas surau pun jumpa. “Kita berpegang daripada *tujuh* [7], *tujuh* [7] tinggal *lima* [5], *lima* [5] jadi *tiga* [3], *tiga* [3] timbul *satu* [1], bila *satu* [1] ini *satu* [1] apa?” Dalam *satu* [1] kalimah bermaknanya takkan kita nak mati dalam bukan-bukan, ikut mana-mana pun mesti ada kalimah kita hendak mati dalam kalimah sebab kita orang Melayu beragama Islam. Sudahlah perbuatan amalan kita tidak cukup sudah jadi kalau benda ini pula kita tukar-takir [bertukar] tidak tahu ikut mana-mana payah sangat kalau hendak buat kiranya. Jadi kalau kita kembali kepada benda dalam ini ada merujukkan ke arah tentang Tasawwuf sikit-sikit, tetapi dia guna bahasa Teri ini dia guna bahasa simbolik. (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Kalau ikat, *lima* [5] ikat, kalau belit dengan *tujuh* [7] belit, kalau simpul dengan *dua puluh* [20] simpul. Bila kita tanya dengan apa kita kata ini bolehkah kita terang, kalau kita terang ikat dengan *tujuh* [7] ikat, simpul dengan *lima* [5] simpul, belit dengan *dua puluh* [20] belit. *Dua puluh* [20] belit ini dia pergi kepada sifat *dua puluh* [20], (bunyi ayam berkокok) kita ikat dengan *lima* [5] ikat, *lima* [5] ikat in berertinya *lima* [5] waktu sehari semalam jangan lupa kena ikat yang itu dengan ketat. “Hendak ikat dimana? Ikat di *satu* [1] penunggu asal”. “Penunggu asal itu dimana?” Iman kita itu kena berdiri tegak jangan rosak, kena jaga. Apabila iman kita kukuh *lima*

[5] waktu jangan lupa, anggota *tujuh* [7] nafsu kita ada *tujuh* [7] ini kena pilihlah, kena pandai jaga, kena pilih jangan ambil yang amarah sahaja yang lain pun kena ambil juga tolak tendang. Bermaknanya iman dengan nafsu itu kena perang. Selepas itu bila lilit dengan *dua puluh* [20] lilit. *Dua puluh* [20] lilit ini terlilit pada sifat *dua puluh* [20], kita kena kenal siapa diri kita, kita jadi daripada mana, hendak pergi mana. Itu sahaja benda yang pentingnya, biar penting yang itu sahaja tapi bila dalam Teri ini perkataan dia itu kita bunyi macam lain sebab dia guna bahasa simbolik. Kalau kita hendak guna dengan sifat *dua puluh* [20], hendak belajar sifat *dua puluh* [20] tidak boleh Main Teri kena duduk di surau, kena menghadap Tok Imam. Tapi setidak-tidaknya pun, kita kena memahami dalam tentang benda itu sebabnya di dalam satu-satu perkataan Teri itu adalah tidak lari daripada atas *satu* [1] sifat. Contoh pondok sebuah, perigi sebuah, padang luas sejana padang, “Kenapa di tengah padang itu ada pondok dan ada perigi?” “Dimana perigi, dimana pondok?” Jadi pondok-pondok ini kita ada berapa panjang, inilah *wakaf* [sendi] kita ini. Kalau kita pergi tengok orang sakit, orang nazak kita pegang tangan, kita sentuh kita cari nadi berada dimana. Nadi dia gagah atau pun tidak sebab dia hendak mati nadi dia tidak akan duduk disitu. Bila daripada sini dia akan berlari ke sini (sambil menunjukkan tangannya) akan dia naik ke segenap *wakaf-wakaf* [sendi] dia balik. Begitu juga atau pun di kaki mesti cari *wakaf-wakaf* [sendi]. Selepas pada itu, bila dia hendak keluar dia hendak keluar ikut mana? Dia keluar ikut perigi, perigi mana ubun-ubun ini perigi sebabnya masa Malaikat Jibrail pergi hendak

masukkan roh didalam Nabi Adam A.S, dia masuk ikut ubun-ubun malaikat maut hendak cabut nyawa pun, dia tidak cabut ikut ibu kaki dia tetap cabut ikut ubun-ubun. Ini yang dikatakan telaga asal, itu dipanggil simbolik sebab itu kata Poksu dijadi dalam luar, benda yang dalam kita pun kita kena cari. Kita kena belajar, kita kena tahu. Kita kena belajar benda ini, kalau cikgu kita asyik cakap pasal jin sahaja yang pasal Tuhan tidak ada, tidak boleh. Pasal Rasul tidak ada, tidak boleh. Ia jadi sesat, maka kita tidak akan kenal sudah. Jadi, kata padang luas jana padang mana dada. Dada ini adalah padang tempat hendak menentukan, menyenangkan apabila kita rasa serabut, bosan kita balik kita tidur letak tangan atas dahi itu kita boleh memikirkan apa harus kita lakukan. “Haruskah aku dibuat dibahan orang ini, kalau aku bahan [kenakan] orang ini aku akan jadi juga polis ke macam mana”, Kita cuba hindar benda itu. Cuba hendak menghindar benda itu hendak suruh tenang maka tidak ada jalan lain ambil air [wudhuk] sembahyang. Sebabnya bila orang hendak pergi Mekah [Arab Saudi] itu pun pergi wukuf di Padang Arafah [tempat berkumpulnya jemaah Haji]. Pergi wukuf di Padang Arafah [tempat berkumpulnya jemaah Haji] *tiga* [3] hari itu kerana hendak menanggal dosa pahala di situ sudah hendak pergi buat haji, semua dosa pahala dicuci situ. Yang pergi melontar, haji, tawaf yang siap sudah pergi wukuf sudah buang sudah di Padang Arafah [tempat berkumpulnya jemaah Haji] mencuci sudah di situ. Jadi sebab itu kata Main Teri ini kalau kita dengar bunyi memang elok tapi kalau kita bawa kena cara benda itu, benda tidak pergi ke mana-mana berada pada batas-batas garisan

itu ada landasan itu ada.

FH : **Tapi kalau macam Poksu sendiri, Poksu ini main dengan cara elok tidak kata belajar daripada benda-benda yang tidak elok?**

MAD : (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Tidak, Poksu tidak belajar sebabnya Poksu mengaji Al-Quran pun Poksu tidak habis jadi bahagian akademik pun Poksu tidak belajar, jadi kalau kita duduk semata-mata kita turut jalan ini jadi kejahilan kita itu sepanjang masa. Kita tidak ada panduan sikit pun balik untuk apa yang terkandung dalam sifat diri kita, kalau tidak ada sikit pun kita akan sesat sepanjang masa. Kita kena ada pegangan kita (shush, Poksu menghalau ayam). Kita kena berpegang kalau kita belajar ikut Al-Quran, ikut kitab pun kita kena pegang kena percaya Rasul, kena percaya pada hari khiamat, bermakna percaya kepada malaikat, percaya kepada qada' dan qadar. Qada' dan qadar pun kita kena terima "Apa salah aku? Kita rasa aku tidak ada salah pun tiba-tiba aku Tuhan bagi sakit. Aku sembahyang tidak tinggal, kenapa Tuhan beri seksa aku, rezeki pun tidak bertambah." Ini qada' dan qadar kita kena terima, kena terima kenyataan "Tidak ada siapa yang tidak hendak kaya, tidak ada siapa yang tidak hendak comel, tidak ada siapa yang tidak hendak senang", tetapi ini qada' dan qadar Allah Taala tentu sudah terima sahaja, terima. Hari ini kita senang, mewah seada mana pun satu masa bila Tuhan hendak tarik automatik sahaja tembak terus. Harta yang ada pun habis buat berubat begitu sahaja mana jalan sudah. Itu bererti qada' dan qadar dicampak oleh Allah S.W.T

tidak dapat hendak elak, kena wajib percaya jangan tidak percaya. Yang mainan, mainan juga Teri ini dia panggil mainan, mainan semata-mata, tidak yang hendak belajar kamu hendak belajar hendak jampi serapah ritual ke apa cuma ritual di atas lakonan, lakonan itu ada ritual “*idap nama pelangi baso tubuh nama badan bela aku ini jin hitam serungkup bumi dok kecek derah hari-hari*” (bacaan mantera) kalau kita hendak kira logik, logik ke tidak? Tok Teri dengan Tok Minduk ini tadi pergi dengan kereta tolong orang kita sekampung makan nasi sekali boleh tidak kenal dengan aku tapi lakonan, lakonan watak masing-masing bermaknanya kalau kita bermain walaupun bunyi dengan jin syaitan tetapi kalau kita tidak taksub dengan benda-benda itu bererti kita tidak sangat *gelecoh* [tersasar] kita tidak banyak sangat. Itulah pengalaman apa yang Poksu tahu yang Poksu belajar dengan Tok Guru Poksu itu begitulah sebabnya dua-dua Tok Guru Poksu yang lama apabila dia meninggal, tidak ada meninggal kesan pada anak-anak cucu sampai ke hari ini lagi pun. Tidak ada kata anak cucu hendak hilang sakitlah, buatlah, rasuk itu ini tidak ada lagi sampai hari ini berpuluh tahun dia mati itu, tidak ada lagi kesan-kesan peninggalan benda-benda itu.

**FH : Kiranya Poksu belajar dengan dua [2] orang cikgu?**

MAD : Ya. Selepas itu kita belajar untuk cara kita bermain ini sama-sama kita, sama-sama kumpulan pun kita belajar juga. Malam ini kita hendak main cara mana, kita hendak main cara ini itu dia panggil serupa belajar juga, berbincang tukar

pendapat. Malam ini orang ini sakit dekat sini kita hendak main bentuk mana dia ada juga bermuzakarah [berbincang] kita boleh tukar, boleh tukar-tukar sebab itu yang dikata ragam perangai ini *dua belas* [12] *baso dua belas* [12] ragam, dudukan kita ini sehari-hari seperti kita main dengan cucu kita dengan anak kita. Kalau orang muda baru ada isteri baru boleh ada anak, hari ini anak kita perangai macam ini esok macam lain pula. Itu yang dikata *dua belas* [12] *baso* [ragam] *dua belas* [12] seribu ragam seribu perangai dia panggil, macam-macam jenis.

**FH** : Untuk soalan terakhir ini kata, kira terakhir daripada saya dengan kawan saya ini ada tidak macam badan-badan atau pun agensi luar yang hendak tolong Poksu dalam buat ini, dalam hendakkekalkan Main Teri ini? Macam dulu saya tengok dalam Facebook [media social] sendiri Poksu main di Kuala Lumpur, jadi ada tidak badan-badan lain yang hendak tolong Poksu?

**MAD** : Dia setakat ini benda yang duduk bimbing dengan kumpulan Poksu ini, satu badan -- dia panggil ‘PUSAKA’. ‘PUSAKA’ dibawah Eddin Khoo [Pengasas PUSAKA], ia badan NGO [Non-Governmental Organization/ Badan Bukan Kerajaan] jadi dialah banyak membimbng Poksu hari ini ke arah, dia ada pernah panggil untuk Main Teri, untuk main Makyung dan sebagainya. Dia cuba hendak menghidupkan seni-seni warisan lama, dia itu balik dan juga dia pun ini *enam tujuh lapan hari bulan Mei* [6, 7, 8/5/2016] ini ada dia buat upacara

sembah guru. Upacara sembah guru-guru orang Makyung Poksu main di Kuala Besut [Daerah di Terengganu] *tiga* [3] malam. Jadi banyak pada dialah bulan lepas baru ini pun Poksu pergi ke ‘PUBLIKA’ di Kuala Lumpur [Kuala Lumpur, Malaysia] dia juga, maknanya dibawah dia banyak.

**FH : Maksudnya Poksu ini kira macam ada yang kenal lagilah Poksu kiranya?**

**Selain pada Poksu siapa lagi di Kelantan yang Main Teri ini?**

**MAD :** (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) Ada lagi. Banyak, banyak sekarang ini. Sekarang masih banyak kalau kira, kira kumpulan kita kira bentuk atas kumpulan hendak sebut nama itu ramai. Kalau sebut contohnya kalau sini kumpulan Poksu kalau pergi kepada Bachok [Daerah di Kelantan] itu banyak kumpulan Pok Long Awe ada *satu* [1], kumpulan Nik Mat Kemasin ada *satu* [1], selepas itu kalau pergi kepada sebelah balik Wakaf Baru [Daerah di Kelantan] balik Tumpat [Daerah di Kelantan] ini kumpulan dia panggil Wak Isa Belukar ada *satu* [1]. Selepas itu kalau pergi kepada sebelah Pasir Mas [Daerah di Kelantan] pula kumpulan Pak Leh Deraman ada *satu* [1] selepas itu kalau pergi kepada Rantau Panjang [Daerah di Kelantan] itu ada *satu* [1] banyak lagi kumpulan-kumpulan. Bererti bila banyak kumpulan itu masih banyaklah lagi orang-orang yang terlibat ini.

**FH** : Maknanya bukan Poksu seorang? Kira maksudnya Poksu boleh jumpa tukar-tukar pendapat?

**MAD** : Bukan Poksu seorang. Jumpa, semua-semua kumpulan itu pernah Poksu main sekali belaka. Jadi mereka pun kadang-kadang kalau hendak bermain macam orang hendak *sekMoh* [sembah] angin ke apa mungkin ada dia rasa tidak puas hati bagi dia dengan pelajaran dia itu dia rasa tidak boleh, dia jemput Poksu pergi sertai dengan puak dia pergi tolong bantu puak dia bermaknanya buat masa sekarang ini macam Poksu diri Poksu seorang ini, keseluruhan kumpulan yang ada di Kelantan [Kelantan, Malaysia] ini boleh pergi sertai Poksu belaka. Tidak ada syarat apa-apa. (Gangguan bunyi ayam berkокok sepanjang perbualan) sebabnya Poksu ini walaupun Poksu dikira generasi baru juga. Tapi walaupun Poksu generasi baru ini dalam bab main kalau Main Teri hendak campur dengan Makyung, untuk berubat apa ini maknanya hendak kata tidak ada benar itu tidak juga tapi hendak mengatasi Poksu tidak boleh lagi kalau setakat ini, hendak campur dengan Makyung ini kalau orang terlibat dengan Makyung ini maknanya Poksu dengan Makyung ini boleh kata fasih sikit dengan cerita-cerita Makyung apa ini Poksu fasih sikit. Bila macam orang hendak main itu dia panggil Poksu. Ada pengalaman sikit walaupun generasi baru tetapi pengalaman itu ada.

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

# **RUJUKAN**

Addy, S. (2010). *Main Puteri - Perubatan Tradisional | Addy Saufi. Adisaufi.blogspot.my.*

Retrieved 3 April 2016, from <http://adisaufi.blogspot.my/2010/05/main-puteri-perubatan-tradisional.html>

Azudee, I. (2010). *Kelate Ori Blog: BUDAYA: MAIN TTERI ( MAIN PUTERI ).*

*Kelateori.blogspot.my.* Retrieved 3 April 2016, from

<http://kelateori.blogspot.my/2010/12/budaya-main-tteri-main-puteri.html>

Kesenian Negeri, J. (2016). *JKKN Kelantan | JKKN. Jkkn.gov.my.* Retrieved 3 April 2016,

from <http://www.jkkn.gov.my/ms/jkkn-kelantan>

Mirza, C. (2013). *NGADAPSENI: MAIN PUTERI, SAKA DAN ANGIN.*

*Ngadapseni.blogspot.my.* Retrieved 3 April 2016, from

<http://ngadapseni.blogspot.my/2013/09/main-puteri-saka-dan-angin.html>

Rahimidin, Z. (2007). *Main teri diancam kepupusan. Utusan Online.* Retrieved 3 April 2016,

from [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1122&sec=Sastera&pg=sa\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1122&sec=Sastera&pg=sa_01.htm)

# **LAMPIRAN**

**LOG**

**WAWANCARA**

## PITA 1 BAHAGIAN 1

| MASA     | SUBJEK/PERKARA                       | RUJUKAN/PERISTIWA   |
|----------|--------------------------------------|---|
| 00:01:21 | Menceritakan latar belakang keluarga | Kampung Lepah, Selising<br>Pasir Puteh, Kelantan<br>Isteri bernama Hasnah binti Mat Jusoh<br>Sepuluh orang anak |
| 00:03:09 | Pengalaman dalam perubatan Main Teri | Empat puluh tahun<br>Berumur lima puluh enam tahun  |
| 00:05:14 | Persembahan di luar negara           | Indonesia<br>Bangkok, Thailand<br>Universiti Mohor Bangkok  |

## TAMAT PITA 1 BAHAGIAN 1: PITA 1 BAHAGIAN 2

| MASA     | SUBJEK/PERKARA                                  | RUJUKAN/PERISTIWA  |
|----------|---|--|
| 00:08:26 | Sejarah Main Puteri                             | Sejenis perubatan tradisional<br>Siti Fatimah binti Muhammad<br>Saidina Ali bin Abi Talib<br>Nabi Muhammad S.A.W<br>Saidina Umar bin Al-Khattab<br>Saidina Uthman bin Affan<br>Saidina Abu Bakar bin Abi Quhaifah<br>Ratu Balqis zaman Nabi Sulaiman |
| 00:12:18 | Sejarah negeri yang terlibat dengan Main Puteri | Sri Lanka<br>Pangkalan Tanah Jawa<br>Tanah Semenanjung   |
| 00:13:20 | Tujuan Main Puteri                              | Mengubat orang sakit<br>Membaiki barang yang rosak   |
| 00:15:34 | Unsur yang terlibat dalam Main Puteri           | Perbuatan dengan jin dengan syaitan dengan iblis   |

|          |   |  |
|----------|---|--|
|          |   | Empat martabat tanah, api, air, angin  |
| 00:18:02 | Asal usul kelahiran Main Puteri               | Tanah Arab<br>Sri Lanka<br>Tanah Jawa<br>Tanah Semenanjung   |
| 00:18:55 | Tok Guru Poksu                                | Tok Haji Tuan Mat<br>Bapa dua pupu di Alor Batu  |
| 00:19:32 | Adik-beradik Poksu                            | Tiga beradik<br>Abang sulung - jadi Tok Minduk   |
| 00:23:08 | Perkara yang sepatutnya ada dalam Main Puteri | Rebab<br>Gong<br>Gendang sepasang<br>Canang<br>Kesi<br>Tok Minduk<br>Tok Teri  |
| 00:25:07 | Tugas-tugas Tok Minduk dan Tok Teri           | Tok Minduk ini, jurubahasa<br>Tok Teri ini bomoh yang jong lupa<br>Lakonan   |
| 00:27:50 | Penyakit berubat dengan Main Puteri           | Penyakit angin<br>Terkena perbuatan orang<br>Kena khianat oleh orang<br>Orang tersampuk hantu<br>Orang disorokkan oleh hantu<br>Saka peninggalan<br>Sifat tujuh gambalan |
| 00:31:37 | Makanan di dalam persembahan Main Puteri      | Pulut<br>Gandum<br>Bertih<br>Sirih Pinang  |

|          |  |   |
|----------|--|---|
|          |  | Rokok Daun<br>Air<br>Telur goring<br>Nasi Guru<br>Kelapa muda<br>Pulut Guru   |
| 00:33:38 | Bilangan ahli dalam Main Puteri            | Sepuluh orang   |
| 00:39:52 | Bacaan mantera atau jampi serapah          | Sahabat empat<br>Saidina Ali bin Abi Talib<br>Saidina Umar bin Al-Khattab<br>Saidina Uthman bin Affan<br>Saidina Abu Bakar bin Abi Quhaifah |
| 00:42:50 | Waktu untuk persembahan Main Puteri        | Waktu malam<br>Tengah hari  |
| 00:45:05 | Bahasa dalam persembahan Main Puteri       | Bahasa Melayu   |
| 00:45:23 | Bilangan orang yang berada atas balai      | Sepuluh ke sebelas orang termasuk pesakit<br>Keluarga dan anak beranak  |
| 00:46:59 | Tempoh persembahan Main Puteri             | bergantung pada orang sakit<br>Isya ke Subuh  |
| 00:49:04 | Pantang larang dalam Main Puteri           | Tidak banyak<br>Kain langit<br>Nenek Berembun Angin   |
| 00:50:53 | Perkaitan hantu dan dewa dalam Main Puteri | Malaikat Azazil Muqarrabin<br>Nabi Adam A.S<br>Malaikat Jibrail<br>Raja Siam Dewa<br>Angin dewa<br>Nafsu tujuh                              |

**TAMAT PITA 1 BAHAGIAN 2: PITA 1 BAHAGIAN 3**

| MASA     | SUBJEK/PERKARA   | RUJUKAN/PERISTIWA   |
|----------|--|---|
| 00:55:19 | Peralatan yang dimainkan di dalam Main Puteri          | Rebab<br>Gendang<br>Gong<br>Canang<br>Kesi<br>Redak   |
| 00:57:54 | Nyanyian lagu dalam Main Puteri                        | Berkat Tanjung  |
| 00:58:41 | Perkaitan Guru dan Nenek di dalam nyanyian Main Puteri | Nenek Dohor Amar<br>Datuk Serba Ilmu<br>Sidi Guru<br>Datuk Serba Kuning<br>Nabi Adam A.S<br>Malaikat Jibrail<br>Nabi Muhammad S.A.W |
| 01:02:39 | Hindarkan benda-benda tahlul di dalam Main Puteri      | Ayat Kursi<br>Ayat Seribu Dinar<br>Ayat Yassin<br>Bismillah<br>Surah Al-Fatihah<br>Surah Al-Ikhlas                                  |
| 01:03:54 | Peralatan yang dibeli dan buatan sendiri               | Gendang<br>Gong<br>Gendang Dikir Barat  |
| 01:04:25 | Kos pembuatan peralatan muzik                          | Kayu sebatang RM 30-RM 40<br>Sebidang kulit kambing RM 25<br>Kulit lembu RM 10<br>Tali RM 13  |

|          |   |  |
|----------|---|--|
| 01:07:21 | Pembukaan dan penutup persembahan Main Puteri                             | Tabuh Buka Panggung<br>Wau Bulan<br>Perasap gendang<br>Campak beras kunyit |
| 01:09:01 | Bayaran persembahan Main Puteri   | RM 1200<br>RM 1500   |
| 01:10:54 | Pengalaman dalam penglibatan Main Puteri                                  | Empat belas ke lima belas tahun<br>Semenjak kecil                          |
| 01:12:38 | Perkaitan antara rawatan menggunakan bomoh, Main Puteri dan rawatan Islam | Rujuk pihak hospital terlebih dahulu<br>Kencing manis<br>Darah tinggi      |

#### TAMAT PITA 1 BAHAGIAN 3: PITA 1 BAHAGIAN 4

| MASA     | SUBJEK/PERKARA  | RUJUKAN/PERISTIWA   |
|----------|---|---|
| 01:16:14 | Pandangan masyarakat kini dengan perubatan Main Puteri    | Hukum hakam   |
| 01:18:58 | Kepercayaan Main Puteri kepada hukum kejahilan            | Adat<br>Nawaitu<br>Fiil perangai  |
| 01:19:32 | Penglibatan anak-anak dalam Main Puteri                   | Bayaran dalam RM 50 – RM 100<br>Terhindar daripada gejala-gajala yang tidak sihat |
| 01:21:40 | Cabarannya dalam perubatan Main Puteri                    | Dirasuk hantu sehingga sampai tidak sedarkan diri                                 |
| 01:22:49 | Penglibatan orang perempuan dalam persembahan Main Puteri | Limah anak Rimau<br>Timah anak Gajah<br>Tumpat<br>Pulau Melaka                    |

|          |  |   |
|----------|--|---|
| 01:23:29 | Pemakaian orang zaman dahulu di dalam persembahan Main Puteri      | Kain ikat<br>Kain lepas<br>Baju pagoda<br>Singlet   |
| 01:25:00 | Persetuhan antara Tok Minduk dan Tok Teri dengan pesakit perempuan | Minta izin dengan suami<br>Guna kain lepas<br>Campak kain lepas ke atas pesakit   |
| 01:31:23 | Harapan agar perubatan Main Puteri tidak pupus                     | Selising<br>Bukit Abal  |
| 01:33:06 | Pelapis terkini untuk mengekalkan perubatan Main Puteri            | Sahabat-sahabat<br>Anak-anak buah   |
| 01:33:48 | Perkaitan perubatan Main Puteri dengan jiwa dalaman                | Sifat tujuh anggota<br>Alam dua belas<br>Satu kalimah<br>Tasawwuf<br>Tujuh ikat<br>Lima simpul<br>Dua puluh belit<br>Dua puluh lilit<br>Penunggu<br>Sifat dua puluh<br>Mekah<br>Padang Arafah |
| 01:44:25 | Cara pembelajaran Main Puteri bersama kumpulan                     | Sama kumpulan<br>Berbincang tukar pendapat<br>Bermuzakarah<br>Ragam perangai dua belas<br>Seribu ragam seribu perangai  |

|          |   |  |
|----------|---|--|
| 01:45:54 | Agensi yang terlibat di dalam persembahan Main Puteri | PUSAKA<br>Eddin Khoo<br>NGO<br>Seni-seni warisan lama<br>Upacara sembah guru<br>Kuala Besut, Terengganu<br>PUBLIKA                     |
| 01:46:42 | Kumpulan Main Teri di Kelantan                        | Bachok<br>Pok Long Awe<br>Nik Mat Kemasin<br>Wakaf Baru<br>Tumpat<br>Wak Isa Belukar<br>Pasir Mas<br>Pak Leh Deraman<br>Rantau Panjang |

**TAMAT PITA 1 BAHAGIAN 4**

# DIARI KAJIAN

| MASA                  | TARIKH      | PERKARA  | TINDAKAN  |
|-----------------------|-------------|--|---|
| 8.00 pg-10.00 pg      | 17 Mac 2016 | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Memilih topik berkenaan Raja Jembal.</li> <li>- Mencari makumat mengenai Raja Jembal.</li> </ul>            | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berbincang tentang topik yang ingin dipilih.</li> <li>- Membuat carian di laman sesawang.</li> </ul>                 |
| 12.00 tghari-2.00 ptg | 20 Mac 2016 | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapatkan maklumat tokoh yang boleh ditemubual untuk menceritakan tentang sejarah Raja Jembal.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pergi ke Pejabat Muzium Negeri Kelantan.</li> </ul>  |
| 3.00 ptg-6.00 ptg     | 20 Mac 2016 | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapatkan maklumat yang terperinci daripada penduduk kampung mengenai Raja Jembal.</li> </ul>             | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mencari orang kampung yang boleh menceritakan kisah ini.</li> </ul>  |
| 2.00 ptg-3.00 ptg     | 27 Mac 2016 | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menukar topik Raja Jembal kepada Main Puteri</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berbincang untuk menukar topik disebabkan susah untuk mencari tokoh untuk menceritakan kisah Raja Jembal.</li> </ul> |

|                       |               |   |   |
|-----------------------|---------------|---|---|
|                       |               | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai Main Puteri</li> </ul>   | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Membuat carian di laman sesawang.</li> </ul>   |
| 10.00 pg-11.00 pg     | 3 April 2016  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mendapatkan maklumat tokoh yang boleh ditemubual untuk menceritakan tentang sejarah Main Puteri.</li> <li>- Meminta kebenaran untuk menemubual tokoh.</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghubungi pihak JKKN Kelantan untuk mendapat nombor telefon tokoh yang berkenaan.</li> <li>- Menghubungi tokoh dan membuat temu janji untuk menemubual.</li> </ul> |
| 12.00 tghari-2.00 ptg | 4 April 2016  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berjumpa dengan tokoh untuk mengetahui berkenaan latar belakang beliau dan juga untuk mendapatkan maklumat berkenaan Main Puteri.</li> </ul>                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Merekod perbualan untuk dijadikan bahan rujukan.</li> </ul>  |
| 5.00 ptg – 7.00 mlm   | 26 April 2016 | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Berjumpa dengan tokoh untuk menemubual dan merekod perbualan</li> </ul>  | <ul style="list-style-type: none"> <li>- Menemubual dan merekod perbualan</li> </ul>  |

|          |             |  |   |
|----------|-------------|--|---|
|          |             | mendapatkan maklumat berkenaan Main Puteri           | untuk dijadikan sumber rujukan.                             |
| 2.00 ptg | 23 Mei 2016 | - Menghantar draf transkrip kepada Puan Nor Kamariah | - Cetak draf transkrip, log wawancara dan soalan kajian.    |
| 2.0 0ptg | 8 Jun 2016  | - Menghantar transkrip untuk penjilidan              | - Cetak dan hantar transkrip yang lengkap untuk penjilidan. |

# **SENARAI SOALAN**

## **Soalan Temuduga**

### **Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh**

1. Siapakah nama Poksu?
2. Kenapa digelar Poksu?
3. Berapakah umur Poksu sekarang?
4. Bilakah tarikh lahir Poksu?
5. Dimanakah tempat Poksu dilahirkan?
6. Dimanakah Poksu dibesarkan?
7. Siapakah nama ayah Poksu?
8. Siapakah nama ibu Poksu?
9. Ibu dan ayah Poksu berasal daripada mana?
10. Berapakah bilangan adik-beradik Poksu?
11. Poksu anak yang ke berapa?
12. Apakah pekerjaan Poksu sekarang?
13. Siapakah nama isteri Poksu?
14. Berapakah umur isteri Poksu?
15. Isteri Poksu berasal dari mana?
16. Sudah berapa lama Poksu berkahwin?
17. Berapa orangkah anak Poksu?
18. Bolehkah ceritakan sedikit mengenai anak-anak Poksu?
19. Adakah anak-anak Poksu juga melibatkan diri dalam seni warisan Kelantan?
20. Sejak bilakah Poksu melibatkan diri dalam seni warisan Kelantan?
21. Bolehkah Poksu ceritakan sedikit pengalaman di dalam bidang ini?

22. Adakah Poksu mempunyai ahli kumpulan sendiri di dalam seni warisan ini?
23. Dimanakah Poksu selalu membuat persembahan?
24. Adakah Poksu pernah membuat persembahan di luar negara?
25. Siapakah idola Poksu dalam seni warisan ini?

#### **Bahagian 2: Latar Belakang Main Puteri**

26. Bolehkah Poksu terangkan serba sedikit berkenaan Main Puteri?
27. Dari manakah asalnya Main Puteri?
28. Adakah Main Teri juga berasal dari istana?
29. Apakah penyakit yang boleh dirawat dalam Main Puteri?
30. Berapa orangkah yang terlibat dalam Main Puteri?
31. Siapakah yang terlibat dalam Main Puteri (lelaki atau perempuan)?
32. Adakah Main Puteri perlu memakai pakaian yang tertentu?
33. Apakah peralatan muzik yang digunakan dalam Main Puteri?
34. Apakah jenis muzik yang dimainkan?
35. Dimanakah selalunya Main Puteri dimainkan?
36. Pada waktu bilakah Main Puteri dimainkan?
37. Berapa lamakah selalunya Main Teri dimainkan?
38. Adakah kuih tradisional puteri mandi ada kaitan dengan Main Puteri?
39. Adakah Main Teri berkait dengan Puteri Saadong?
40. Adakah terdapat bacaan yang tertentu dalam Main Teri?
41. Adakah unsur-unsur lain yang terdapat dalam Main Teri?
42. Bagaimanakah Main Teri dipersembahkan?

43. Bolehkah Main Teri dipersembahkan di khalayak ramai?
44. Adakah terdapat kepercayaan tertentu dalam Main Teri?
45. Apakah yang akan dilakukan dahulu sebelum Main Teri dimainkan?
46. Adakah Main Teri dimainkan hanya untuk perubatan tradisional sahaja?
47. Adakah bunga diperlukan dalam upacara ini?
48. Apakah jenis bunga yang digunakan?
49. Apakah makanan yang perlu ada dalam upacara ini?
50. Adakah Main Teri menggunakan bahasa yang tertentu semasa dimainkan?

### **Bahagian 3: Peralatan Ensemble Main Puteri**

51. Apakah jenis peralatan muzik yang diperlukan dalam Main Puteri?
52. Boleh Poksu ceritakan setiap satu fungsi peralatan muzik ini?
53. Sejak bila Poksu mengenali setiap peralatan muzik ini?
54. Siapakah yang mengajar Poksu untuk bermain semua peralatan muzik ini?
55. Apakah terdapat sebarang pengalaman dalam bermain alatan muzik Main Puteri ini?
56. Adakah terdapat peraturan atau pantang larang untuk bermain alat muzik ini?
57. Bagaimana cara Poksu mendapatkan semua peralatan muzik ini?
58. Bagaimana pula Poksu menjaga dan mengekalkan kualiti peralatan muzik ini?
59. Adakah anak-anak Poksu juga turut belajar bermain alatan muzik Main Puteri ini?
60. Adakah peralatan ini hanya ade di Kelantan sahaja atau di negeri-negeri lain?
61. Berapakah kos untuk membuat peralatan muzik Main Puteri?
62. Peralatan muzik yang mana dimulakan terlebih dahulu untuk Main Puteri?
63. Apakah yang dimaksudkan dengan terapi muzik Main Puteri bagi pendapat Poksu?

64. Bagaimana rentak lagu dan peralatan dapat diselarikan dalam Main Puteri?
65. Bagaimana Poksu dapat kaitkan muzik dengan pesakit dalam Main Puteri ini?
66. Jika peralatan muzik tidak mencukupi, bolehkan Main Puteri diteruskan?
67. Apakah jenis lagu yang digunakan dalam Main Puteri?
68. Berapakah jenis lagu atau melodi yang selalu dimainkan dalam Main Puteri?
69. Adakah setiap lagu mempunyai kisah tersendiri atau rekaan semata-mata?
70. Bahasa apakah yang digunakan dalam setiap lagu yang dimainkan dalam Main Puteri?
71. Siapakah yang akan menyanyi? Tok Minduk atau Tok Teri?
72. Apakah jenis penyakit yang dirawat dengan Main Puteri?
73. Pada pendapat Poksu, kenapa mesti ade lagu dalam Main Puteri?
74. Adakah lagu-lagu yang dimainkan mempunyai unsur-unsur seram ataupun tidak?
75. Dari manakah lagu-lagu ini dihasilkan? dicipta sendiri atau turun menurun?
76. Adakah lagu-lagu yang digunakan sama untuk setiap rawatan dalam Main Puteri?
77. Adakah terdapat unsur tarian dalam Main Puteri?
78. Siapakah yang memainkan peranan utama untuk menari? Tok Minduk atau Tok Teri?
79. Adakah terdapat pembuka dan penutup lagu dalam Main Puteri?
80. Adakah terdapat lakonan dan watak yang muncul dalam Main Puteri ini?

#### **Bahagian 4: Cabaran atau pandangan masyarakat kini terhadap perubatan tradisional**

##### **Main Puteri**

81. Pada pendapat Poksu, apakah Main Puteri ini masih boleh digunakan dalam merawat penyakit?
82. Apakah Poksu sedia maklum akan pandangan dan penerimaan masyarakat setempat terhadap Main Puteri?
83. Dari unsur agama, adakah Main Puteri ini dibolehkan?
84. Jika Main Puteri ini dikatakan Haram, apakah reaksi Poksu?
85. Adakah Poksu pernah mendengar bahawa Main Puteri ini mempunyai unsur sihir dan salah di sisi agama Islam?
86. Adakah masyarakat beranggapan bahawa Main Puteri sekadar persembahan semata-mata atau sesi perubatan tradisional?
87. Adakah pengikut agama lain membentarkan Main Puteri ini digunakan untuk merawat pesakit mereka?
88. Jika Main Puteri ini dikatakan boleh merawat penyakit, bagaimana pula dengan rawatan lain seperti sakit berjumpa doktor? Apa kata Poksu?
89. Apakah perbezaan antara perubatan Islam dengan Main Puteri menurut Poksu?
90. Bagaimana penerimaan golongan muda dan golongan tua terhadap Main Puteri?
91. Adakah terdapat sebarang tentangan daripada mana-mana pihak tentang Main Puteri?
92. Bagaimana Poksu dapat meyakinkan bahawa Main Puteri ini dapat merawat penyakit seperti angin dan buatan orang?
93. Adakah terdapat sebarang ancaman atau cabaran dalam Main Puteri?
94. Bagaimana pula penerimaan keluarga Poksu sendiri tentang warisan Main Puteri ini?

95. Dalam keluarga Poksu sendiri, bagaimana Poksu mengajar mereka untuk mengenali tentang Main Puteri?
96. Adakah terdapat mana-mana pihak yang masih ingin mengekalkan warisan Main Puteri ini?
97. Adakah Main Puteri ini pernah dimainkan di peringkat antarabangsa?
98. Pada pendapat Poksu, adakah terdapat sebarang saranan untuk Poksu kekalkan Main Puteri ini?
99. Bagaimana Poksu ingin mengekalkan tradisi Main Puteri ini?
100. Apakah harapan Poksu agar tradisi atau warisan Main Puteri ini terus dikekalkan?

# **SURAT**

# **PERJANJIAN**



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Machang, Kelantan

**PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN**

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan ... **MD AQL BIN MD DALI**..... Pada **26 APRIL 2016**

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan **syarat:** -  
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari ..... (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan.  
Dipersetujui pada ..... oleh kedua pihak yang berkenaan.

(  
)

Pengisah

Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,  
Ketua Pusat Pengajian,  
Fakulti Pengurusan Maklumat  
UiTM Kelantan.

## LAMPIRAN 1



Gambar 1: Persembahan Main Puteri

## LAMPIRAN 2



Gambar 2: Persembahan Main Puteri

### LAMPIRAN 3



Gambar 3: Set peralatan muzik Main Puteri

#### LAMPIRAN 4



Gambar 4: Balai Persembahan Main Puteri

## LAMPIRAN 5



Gambar 5: Hidangan Persembahan Main Puteri

# **INDEKS**

# INDEKS

|                         |   |                   |  |
|-------------------------|---|-------------------|--|
| <b>A</b>                |   | <i>Dohor Amar</i> | <b>31</b>  |
| <i>Abu Bakar</i>        | <b>5</b>  | <b>F</b>          |  |
| <i>Adam</i>             | <b>8, 10, 11, 16, 27, 28, 29, 31, 32, 52</b>  | <i>Fatiyah</i>    | <b>33</b>  |
| <i>Ali</i>              | <b>1, 4, 5, 6, 7, 9, 12, 13, 14, 15, 16,</b><br><b>21, 23, 25, 27, 28, 29, 31, 33, 34,</b><br><b>35, 36, 38, 39, 40, 41, 45, 46, 47,</b><br><b>48, 50, 51, 52, 53, 54, 55, 57</b> | <i>Fiil</i>       | <b>21, 23, 41</b>  |
| <i>Alik</i>             | <b>21, 31</b>   | <b>G</b>          |  |
| <b>B</b>                |   | <i>Gendang</i>    | <b>19, 29, 34, 35, 36, 40, 41</b>                              |
| <i>Bageh</i>            | <b>10, 22</b>   | <i>Gong</i>       | <b>19, 29, 34, 35, 40, 41</b>                                  |
| <i>Balai</i>            | <b>6, 7, 26, 38</b>   | <b>H</b>          |  |
| <i>Balqis</i>           | <b>6</b>  | <i>Hantu</i>      | <b>15, 16, 21, 27, 33, 38, 43</b>                              |
| <i>Baso</i>             | <b>5, 23, 32, 54, 55</b>  | <b>J</b>          |  |
| <i>Buwi</i>             | <b>5</b>  | <i>Jamu</i>       | <b>5, 6, 16, 38</b>  |
| <b>C</b>                |   | <i>Jawa</i>       | <b>7, 9, 13, 14, 20, 35, 41, 42</b>                            |
| <i>Canang</i>           | <b>29, 30</b>   | <i>Jembaga</i>    | <b>10</b>  |
| <b>D</b>                |   | <i>Jin</i>        | <b>8, 13, 16, 18, 21, 22, 23, 27, 29,</b><br><b>39, 52, 54</b> |
| <i>Datuk Amar</i>       | <b>11</b>   | <i>Jong Lupa</i>  | <b>13</b>  |
| <i>Datuk Perdana</i>    | <b>11</b>   | <i>Jong Ubat</i>  | <b>12</b>  |
| <i>Datuk Temenggung</i> | <b>11</b>   | <i>Jurubahasa</i> | <b>24</b>  |
| <i>Dikir Barat</i>      | <b>2</b>  | <b>K</b>          |  |
|                         |   | <i>Kesi</i>       | <b>20, 23, 29, 41</b>  |

|                             |   |                          |   |
|-----------------------------|---|--------------------------|---|
| <b>M</b>                    |   | <i>Puteri Saadong</i>    | 10, 11                                      |
| <i>Main Puteri</i>          | 2, 4, 5, 7, 9, 10, 11, 12, 13,<br>14, 15, 16, 17, 18, 21, 22,<br>25, 26, 30, 35, 37, 38, 39,<br>40, 42, 43, | <b>Q</b>                 | <i>Qulhuwallah</i> 33                       |
| <i>Makyung</i>              | 2, 3, 11, 26, 30, 45, 55, 56,<br>57   | <b>R</b>                 | <i>Rasulullah</i> 5                         |
| <i>Menamo</i>               | 23  | <b>S</b>                 | <i>Rebana Ubi</i> 3<br><i>Rebana</i> 30, 31 |
| <b>N</b>                    |   | <b>S</b>                 | <i>Selising</i> 1                           |
| <i>Nasi Guru</i>            | 17, 18, 31  | <i>Siti Fatimah</i>      | 5, 10                                       |
| <i>Nasi Guru</i>            | 17, 18, 31  | <i>Slaluh</i>            | 5   |
| <i>Nenek Berembun Angin</i> | 26  | <i>Sokmo</i>             | 2, 14                                       |
| <i>Nyekmoh</i>              | 6   | <i>Sri Lanka</i>         | 9   |
| <i>Nyekmoh</i>              | 6   | <b>T</b>                 |   |
| <b>O</b>                    |   | <i>Tanah Arab</i>        | 9   |
| <i>Osman</i>                | 5   | <i>Tanah Semenanjung</i> | 7, 9  |
| <b>P</b>                    |   | <i>Tasawwuf</i>          | 51  |
| <i>Padang Arafah</i>        | 53  | <i>Tino</i>              | 2, 5  |
| <i>Pangkalan Tanah Jawa</i> | 7   | <i>Tok Minduk</i>        | 10, 12, 13, 14, 23, 24, 54,                 |
| <i>Pasir Mas</i>            | 1, 15   | <i>Tok Teri</i>          | 5, 12, 13, 18, 22, 23, 24,                  |
| <i>Pasir Puteh</i>          | 1, 10, 49,  |                          | 31, 41, 45, 46, 47, 48, 54                  |
| <i>Pulut Guru</i>           | 18  |                          |   |
| <i>PUSAKA</i>               | 56  |                          |   |

*U*

*Umar 5, 21*

*Universiti Mohor 3*

*W*

*Wayang Kulit 4*